

Empat Puluh
Hadith

Kemuliaan MASJID

& Adab-adabnya

Dr. Abdullaah Jalil

Ahli Kumpulan Penyelidik Model Imarah Masjid MIMAS
Universiti Sains Islam Malaysia




Masjid Tengku Tengah Zaharah
Kuala Ibai, Terengganu

Empat Puluh
Hadith

Kemuliaan
MASJID

& Adab-adabnya



Empat Puluh Hadith

Kemuliaan MASJID

& Adab-adabnya

"Penuntut Ilmu"
Dr. Abdullaah Jalil
Ahli Kumpulan Penyelidik Model Imarah Masjid MIMAS
Universiti Sains Islam Malaysia



WISDOM
PUBLICATION



WISDOM PUBLICATION NS0078217-W
No. 110, Jalan Dillenia 3, Laman Dillenia,
Nilai Impian,
Nilai, Negeri Sembilan.
Tel: 06-794 6394
Email: wisdompublisher@gmail.com
FB Page: Wisdom Publication
Reka Bentuk: Freepik

ISBN: -
Edisi PDF Pertama
Cetakan: 20 Mei 2020

Pencetak:
ZARASA ENTERPRISE,
001372482-A,
C-7-G, Jalan Jati 9, Acacia Avenue, Putra Nilai,
71800 Nilai, Negeri Sembilan.
Tel: +6019-282 6924
Email: zarasaenterprise@gmail.com

Firman Allah ﷻ (Al-Tawbah (9):18)

﴿ إِنَّمَا يَعۡمُرُ مَسَٰجِدَ ٱللَّهِ مَنۡ ءَامَنَ بِٱللَّهِ وَٱلۡيَوۡمِ ٱلۡأٓخِرِ وَأَقَامَ
ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتَى ٱلزَّكَوٰةَ وَلَمۡ يَخۡشَ إِلَّا ٱللَّهَۖ فَعَسَىٰٓ أُوْلَٰٓئِكَ أَن يَكُونُواْ
مِنَ ٱلۡمُهۡتَدِينَ ١٨ ﴾

"Hanyasanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah:

(i) orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, serta

(ii) mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat, dan

(iii) tidak takut melainkan kepada Allah,

(dengan adanya sifat-sifat yang tersebut), maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk."

DEDIKASI

Kepada semua umat Rasulullah ﷺ dan hati-hati yang merindui rumah-rumah Allah

Kepada kedua ayahanda dan bonda: Hj Jalil Omar and Hapisah Ismail, dan seluruh ahli keluarga

Kepada isteri yang dikasihi: Suraiya Osman, serta anak-anak yang tercinta: Abdurrahman al-Munib, Maryam al-Safiyyah, Sara al-Ameena, Ibtisam al-Nafeesa dan Muhammad al-Habib

Semoga kita semua digolongkan di kalangan mereka yang mengimarahkan masjid serta mendapat kemuliaan ahli-ahli masjid di sisi Allah ﷻ

PRAKATA PENERBT



Segala puji bagi Allah ﷻ yang telah menjadikan masjid sebagai sebaik-baik tempat di atas muka bumi ini serta memuliakan orang-orang yang mengimarahkannya di dunia ini dan di Akhirat nanti.

Selawat dan salam kami panjatkan buat junjungan serta penghulu umat ini, Nabi Muhammad ﷺ, Kekasih Allah dan Rasul-Nya, Hamba Allah yang paling mulia di sisi Allah, juga ke atas ahli keluarga dan para sahabat Baginda ﷺ, serta seluruh para muslimin dan muslimat yang sentiasa berulang-alik ke masjid-masjid, memuliakannya dan menjaga adab-adabnya.

أَمَّا بَعْدُ:

Buku yang diberkati ini – insha Allah – adalah merupakan satu lagi hasil usaha dan buah tangan Dr. Abdullaah Jalil "Penuntut Ilmu" dalam berkhidmat kepada dunia ilmu Islam khususnya ilmu hadith *mawdu'i*. Buku ini menghimpunkan 40 hadith utama berkenaan kemuliaan masjid, keutamaan orang-orang yang sentiasa berulang-alik ke masjid, beribadah di dalamnya dan adab-adab penting berkaitannya.

Ia amat sesuai untuk dijadikan rujukan buat semua umat Islam kerana masjid adalah sebuah institusi yang sangat asas dan penting dalam kehidupan mereka. Kekuatan masyarakat Islam dan kerukunan sesama mereka di suatu kawasan dapat dinilai

berdasarkan kekuatan institusi masjid dan surau di kawasan tersebut. Masjid bukan sahaja berfungsi sebagai pusat ibadah, bahkan lebih dari itu, masjid menjalankan pelbagai fungsi sosial, kebajikan, pendidikan dan ekonomi serta keusahawanan.

Pihak kami berharap agar buku ini dapat memberi manfaat kepada semua pembaca dan umat Islam. Akhir kata dari kami: Semoga Allah ﷻ menjadikannya sebagai sumber kebaikan dan kebajikan bagi semua yang terlibat dan mengambil manfaat daripadanya.

Segala pujian hanyalah bagi Allah ﷻ.

Penerbit Wisdom Publication, Nilai, Negeri Sembilan.

27 Ramadan 1441H bersamaan 20 Mei 2020.

PRAKATA PENGARANG

بِسۡمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

Segala puji bagi Allah ﷻ, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani. Selawat dan salam dipanjatkan kepada Penghulu Nabi dan Rasul - Saidina Muhammad ﷺ, ahli keluarga dan para sahabat Baginda ﷺ, serta buat semua yang mengikut Shariat Baginda ﷺ dan berjalan di atas Sunnah Baginda ﷺ sehingga ke Hari Kiamat,

أَمَّا بَعْدُ:

Buku ini adalah merupakan satu usaha kecil daripada penulis untuk menghimpunkan hadith-hadith Rasulullah ﷺ berkaitan dengan masjid secara khusus sama ada dari sudut kemuliaannya dan adab-adabnya. Edisi ini adalah merupakan edisi pertama buku ini yang dibuat dalam bentuk PDF bagi memudahkan pihak yang berminat memperolehinya dan menyimpannya. Penulis juga memberikan kebenaran kepada mana-mana pihak yang ingin mencetak edisi ini bagi tujuan peribadi, pengajian mahupun komersial. Semoga Allah memberikan ganjaran kepada mana-mana pihak yang berusaha untuk menyebarkan sabdaan Rasulullah ﷺ yang terkandung di dalam buku ini.

Draf PDF ini pada mulanya diusahakan oleh penulis bersempena dengan Majlis Solat Hajat, Doa Selamat dan Jamuan Kesyukuran bagi pembinaan Masjid Nilai Impian – tempat tinggal penulis – yang diadakan pada 15 Februari 2020 di Surau Firdaus, Nilai Impian. Namun kerana kekangan dan hambatan masa serta tugas, penulis tidak sempat untuk menyempurnakannya pada tarikh yang

dicadangkan tersebut pada peringkat awal. Kemudian penulis cuba untuk menyempurnakannya pada malam Nisfu Sha'ban 1441H, namun masih belum sempat juga. Kini, Alhamdulillah, edisi pertama PDF buku ini telah dapat disempurnakan dan diagihkan pada malam 27 Ramadan 1441H.

Semoga Allah mengampunkan kesalahan dan kekurangan di dalam usaha menerbitkan buku ini serta menerimanya sebagai satu amalan soleh yang diterima olehNya dan menjadikannya bermanfaat buat penulis, ahli keluarga penulis dan seluruh umat Islam.

﴿إِنۡ أُرِيدُ إِلَّا ٱلۡإِصۡلَٰحَ مَا ٱسۡتَطَعۡتُۚ وَمَا تَوۡفِيقِيٓ إِلَّا بِٱللَّهِۚ عَلَيۡهِ تَوَكَّلۡتُ وَإِلَيۡهِ أُنِيبُ﴾

وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ

وَالْحَمْدُ للهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ

"Penuntut Ilmu", Dr. Abdullaah Jalil,

Rhu Renggeh, Terengganu.

27 Ramadan 1441H bersamaan 20 Mei 2020M.

ISI KANDUNGAN

PENDAHULUAN



Dengan Nama Allah, Yang Maha Pemurah (Luas RahmatNya), lagi Yang Maha Mengasihani (Yang Mengkhususkan RahmatNya Bagi Sesiapa Yang Dia Kehendaki).

Segala puji bagi Allah ﷻ, yang menjadikan masjid sebagai tempat-tempat limpah kurniaan rahmatNya dan menyediakan pelbagai ganjaran bagi mereka yang mengimarahkannya.

Selawat dan salam dipanjatkan kepada Penghulu Nabi dan Rasul Saidina Muhammad ﷺ, ahli keluarga dan para sahabat Baginda ﷺ, serta buat semua yang mengikut Shariat Baginda ﷺ dan berjalan di atas Sunnah Baginda ﷺ sehingga ke Hari Kiamat,

أَمَّا بَعْدُ:

Masjid adalah salah satu tempat yang paling penting dan mulia dalam kehidupan seorang Muslim. Ia adalah tempat turunnya rahmat Allah dan hati-hati orang beriman itu sentiasa rindu untuk ke sana. Kemuliaan dan kepentingan masjid di dalam Islam adalah sangat jelas berdasarkan nas-nas al-Qur'an dan al-Sunnah serta riwayat kehidupan Rasulullah ﷺ dan para Sahabat ﷺ.

Masjid pertama yang dibina oleh Rasulullah ﷺ adalah ketika Baginda ﷺ mula-mula tiba di perkampungan Bani ʿAmr Bin ʿAwf di Quba' dalam perjalanan Hijrah Baginda ﷺ ke Madinah. Baginda ﷺ tidak menangguhkan penubuhan masjid sehingga Baginda ﷺ tiba di

Madinah, tetapi Baginda ﷺ terus membina masjid yang pertama apabila Baginda ﷺ tiba di Quba’. Peristiwa masjid yang pertama dibina oleh Baginda ﷺ ini dirakamkan di dalam al-Qur’an. Peristiwa ini juga membuktikan kepentingan masjid di dalam kehidupan masyarakat Islam.

Bahkan Allah ﷻ menyifatkan orang-orang yang mengimarahkan masjid dengan sifat-sifat yang mulia. Allah ﷻ berfirman (Al-Tawbah:18):

﴿إِنَّمَا يَعۡمُرُ مَسَٰجِدَ ٱللَّهِ مَنۡ ءَامَنَ بِٱللَّهِ وَٱلۡيَوۡمِ ٱلۡأٓخِرِ وَأَقَامَ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتَى ٱلزَّكَوٰةَ وَلَمۡ يَخۡشَ إِلَّا ٱللَّهَۖ فَعَسَىٰٓ أُوْلَٰٓئِكَ أَن يَكُونُواْ مِنَ ٱلۡمُهۡتَدِينَ ١٨﴾

“Hanyasanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah:

i. orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta

ii. mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan

iii. tidak takut melainkan kepada Allah,

(dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk.”

Ketiga-tiga sifat yang disebutkan di dalam ayat al-Qur’an di atas merangkumi asas Iman (Aqidah), asas Islam (Fiqh/Shariah) dan asas Ihsan (Tasawwuf). Kemudian, Allah ﷻ mengakhiri ayat tersebut dengan menyatakan bahawa mereka adalah orang-orang yang mendapat petunjuk (*muhtadin*). Ayat Al-Qur’an ini memberi isyarat yang jelas tentang kepentingan amalan pengimarahan masjid dan kemuliaan orang-orang yang melakukannya serta kesempurnaan agama mereka.

Buku ini bertujuan menghimpunkan hadith-hadith asas berkaitan dengan kemuliaan masjid dan adab-adabnya agar dapat dimanfaatkan dengan lebih mudah oleh umat Islam. Penulis membahagikan hadith-hadith tersebut kepada beberapa bahagian yang utama seperti berikut:

1. Kemuliaan Masjid
2. Kemuliaan Ahli Masjid
3. Kemuliaan Perjalanan Menuju ke Masjid
4. Amalan-amalan di Masjid
5. Adab-adab Masjid
6. Tanda Akhir Zaman pada Masjid

Semoga buku ini dapat memupuk kecintaan dan kesungguhan dalam diri kita terhadap pengimarahan masjid dengan sebaik-baiknya. Hubungan masjid dan surau dengan kehidupan seorang Muslim itu pada hakikatnya sangat erat. Selain seruan mengerjakan solat lima waktu yang dilaungkan setiap hari, terdapat begitu banyak aktiviti-aktiviti ibadah, ilmu dan kebajikan yang dapat dilakukan dan disertai oleh mereka yang melaziminya dan menghadirinya.

"Ya Allah, jadikanlah kami dari kalangan ahli-ahli masjid di sisiMu, yang bergantungan hati-hati mereka, kasih dan rindu mereka kepada rumah-rumahMu."

Berikut adalah hadith-hadithnya:

KEMULIAAN MASJID

Hadith 1: Masjid Adalah Tempat Yang Paling Dicintai Oleh Allah Di Muka Bumi Ini

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ﷺ، أَنَّ رَسُولَ اللهِ ﷺ قَالَ:

((أَحَبُّ الْبِلَادِ إِلَى اللهِ مَسَاجِدُهَا، وَأَبْغَضُ الْبِلَادِ إِلَى اللهِ أَسْوَاقُهَا))

Daripada Abu Hurayrah ﷺ, beliau meriwayatkan bahawa sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda:

> "Negeri (kawasan muka bumi) yang paling dicintai oleh Allah adalah masjid-masjidnya, dan negeri (kawasan muka bumi) yang paling dibenci oleh Allah adalah pasar-pasarnya."
>
> T: (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmiʿ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 673 [Lafaz di atas]; (Ibn Khuzaymah (311H), - Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah), No. 1226 [Lafaz yang sama]; (Ibn Ḥibbān (354H), 1993 - Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān), No. 1600 [Lafaz yang sama] dan lain-lain. [Status: Sahih]

Imam al-Nawawi menyatakan bahawa ini adalah kerana masjid-masjid adalah rumah-rumah ketaatan yang terbina di atas taqwa. Ia juga adalah tempat turunnya rahmat Allah.

Sedangkan pasar atau tempat urusniaga orang ramai pula sering berlakunya maksiat penipuan, penindasan, riba, sumpah palsu, mungkir janji, dan lalai/berpaling dari zikrullah serta seumpamanya.

Hadith 2: Masjid Adalah Rumah Orang Yang Bertaqwa Dan Beriman

عَنْ أَبِي عُثْمَانَ، قَالَ: كَتَبَ سَلْمَانُ (ﷺ) إِلَى أَبِي الدَّرْدَاءِ (ﷺ): يَا أَخِي عَلَيْكَ بِالْمَسْجِدِ فَالْزَمْهُ، فَإِنِّي سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ ﷺ يَقُولُ:

((الْمَسْجِدُ بَيْتُ كُلِّ تَقِيٍّ))

واللفظ في رواية أبي نعيم الأصبهاني في الحلية:

((الْمَسْجِدُ بَيْتُ كُلِّ مُؤْمِنٍ))

Daripada Abu ʿUthman (al-Nahdi), beliau berkata: Salman (al-Farisi) ﷺ telah menulis (surat) kepada Abu al-Darda' ﷺ (dengan berkata): Wahai saudaraku hendaklah engkau (pergi) ke masjid, dan lazimilah ia, sesungguhnya aku telah mendengar Rasulullah ﷺ bersabda:

"Masjid itu adalah rumah setiap orang yang bertaqwa".

(Lafaz hadith di dalam riwayat Abu Nu'aym al-Asbahani di dalam al-Hilyah):

Masjid itu adalah rumah setiap orang yang beriman."

T: (al-Bazzār (292H), 1997 - al-Baḥr al-Zakhkhār bi Musnad al-Bazzār), No. 2546 [Lafaz di atas]; (al-Shihāb al-Quḍāʿī (454H), 1986 - Musnad al-Shihāb), No. 73 [Lafaz yang sama]; (al-Tabarānī (360H), - al-Muʿjam al-Kabīr), No. 6143; (al-Bayhaqī (458H), - Shuʿab al-Imān), No. 2950 dan (Abū Nuʿaym al-Asbahānī (430H), 1409H - Ḥilyat al-Awliyāʾ wa Ṭabaqāt al-Aṣfiyāʾ), No. 8379. Di dalam semua sanad bagi riwayat di atas terdapat seorang perawi yang bernama Salih al-Murri, Imam Ibnu Hajar al-ʿAsqalani menyebut beliau sebagai: (ضعيف زاهد) di dalam al-Taqrib. [Status: Sahih li ghayrih]

Hadith 3: Masjid-Masjid Adalah Rumah Allah ﷻ

عَنْ عَبْدِ اللهِ ﷺ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ:

((إِنَّ بُيُوتَ اللهِ فِي الْأَرْضِ الْمَسَاجِدُ، وَإِنَّ حَقًّا عَلَى اللهِ أَنْ يُكْرِمَ مَنْ زَارَهُ فِيهَا))

Daripada 'Abdullah Ibn Mas'ud ﷺ, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

> "Sesungguhnya rumah-rumah Allah di muka bumi ini adalah masjid-masjid. Dan sesungguhnya ia adalah merupakan satu hak ke atas Allah untuk memuliakan sesiapa yang menziarahiNya padanya (masjid-masjid)."

T: (al-Tabarānī (360H), - al-Muʿjam al-Kabīr), No. 10324 [Lafaz di atas].

*(al-Haythamī (807H), 1994 - Majmaʿ al-Zawāʾid wa Manbaʿ al-Fawāʾid), No. 2028, Jilid 2/10, p.22 dan beliau berkata: (رَوَاهُ الطَّبَرَانِيُّ فِي الْكَبِيرِ وَفِيهِ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يَعْقُوبَ الْكِرْمَانِيُّ، وَهُوَ ضَعِيفٌ).

3.1: Athar: Allah Memuliakan Orang Yang Datang Ke Masjid

'Amr Ibn Maymun al-Awdi berkata:

أَدْرَكْتُ أَصْحَابَ النَّبِيِّ ﷺ وَهُمْ يَقُولُونَ: إِنَّ الْمَسَاجِدَ بُيُوتُ اللهِ فِي الْأَرْضِ، وَإِنَّهُ حَقٌّ عَلَى اللهِ أَنْ يُكْرِمَ زَائِرَهُ فِيهَا

> "Aku telah sempat bertemu dengan para Sahabat Nabi ﷺ dan mereka berkata: Sesungguhnya masjid-masjid adalah rumah-rumah Allah di muka bumi ini. Dan sesungguhnya ia adalah merupakan satu hak ke atas Allah untuk memuliakan orang yang menziarahiNya padanya (masjid-masjid)."

T: (al-San'ani (211H), - Tafsir al-Qur'an li 'Abd al-Razzaq al-San'ani), No. 2049 [Mawquf].

3.2: Athar: Masjid Di Bumi Adalah Seumpama Bintang Di Langit

Sa'id Ibn Jubayr meriwayatkan bahawa 'Abdullah Ibn 'Abbas ﵄ berkata:

إِنَّ الْمَسَاجِدَ بُيُوتُ اللهِ فِي الأَرْضِ تُضِيءُ لِأَهْلِهَا كَمَا تُضِيءُ نُجُومُ السَّمَاءِ لِأَهْلِهَا

"Sesungguhnya masjid-masjid itu adalah rumah-rumah Allah di muka bumi ini, ia menerangi penduduknya (di bumi) sepertimana bintang-bintang di langit menerangi penduduknya."

T: (al-Bayhaqī (458H), - Shuʿab al-Imān), No. 1758 [Mawquf].

Kedua-dua athar ini menyokong makna hadith [No. 3] yang diriwayatkan oleh Saidina 'Abdullah Ibn Mas'ud ﵁

Hadith 4: Keistimewaan Tiga Masjid Utama: (i) Masjid Al-Ḥarām, (ii) Masjid Nabawi Dan (iii) Masjid Al-Aqṣā

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ ﷺ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ :

((لَا تُشَدُّ الرِّحَالُ إِلَّا إِلَى ثَلَاثَةِ مَسَاجِدَ: مَسْجِدِ الْحَرَامِ، وَمَسْجِدِي هَذَا، وَمَسْجِدِ الْأَقْصَى))

Daripada Abu Saʿid al-Khudri ﵁, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

> "Tidak [patut/perlu] ditempuh perjalanan yang sukar [untuk ke mana-mana masjid kerana kemuliaannya adalah sama] melainkan ke tiga buah masjid: (i) Masjid al-Ḥarām, (ii) Masjidku ini (Masjid Nabawi) dan (iii) Masjid al-Aqṣā."

T: (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 1189; (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmiʿ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 1339; (al-Tirmidhī (279H), - al-Jāmiʿ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)), No. 326 [Lafaz di atas] dan beliau berkata: (هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ); (Ibn Mājah (273H), 2010 - Sunan Ibn Mājah), No. 1410 dan lain-lain. [Status: Sahih].

4.1: Masjid Al-Haram Dan Masjid Al-Aqsa Adalah Dua Masjid Yang Pertama Di Atas Muka Bumi

وَعَنْ أَبِي ذَرٍّ ﷺ، قَالَ:

قُلْتُ: يَا رَسُول اللهِ، أَيُّ مَسْجِدٍ وُضِعَ فِي الْأَرْضِ أَوَّلُ؟ قَال: ((الْمَسْجِدُ الْحَرَامُ))، قُلْتُ: ثُمَّ أَيٌّ؟، قَال: ((اَلْمَسْجِدُ الْأَقْصَى))، قُلْتُ: كَمْ كَانَ بَيْنَهُمَا؟ قَال: ((أَرْبَعُونَ سَنَةً، ثُمَّ أَيْنَمَا أَدْرَكَتْكَ الصَّلَاةُ بَعْدُ فَصَلِّهْ فَإِنَّ الْفَضْل فِيهِ))

Daripada Abu Dharr al-Ghifari﵁, beliau berkata:

"Aku berkata: Wahai Rasulullah, masjid yang manakah pertama sekali dibina di atas bumi ini?. Baginda ﷺ bersabda: Masjidil Haram.

Aku berkata lagi: Kemudian, masjid yang mana?. Baginda ﷺ bersabda: Masjidil Aqsa.

Aku berkata lagi: Berapakah jarak masa di antara kedua-duanya?.

Baginda ﷺ bersabda: Empat puluh (40) tahun, kemudian di mana sahaja kewajipan solat telah sampai kepadamu (masuk waktunya), maka bersolatlah padanya, sesungguhnya kelebihan itu ada padanya."

T: (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 3366 [Lafaz di atas] & 3425; (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmiʿ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 522 & 523; (al-Nasāʾī (303H), 1986 - al-Sunan al-Sughrā / al-Mujtabā min al-Sunan), No. 690; (Ibn Mājah (273H), 2010 - Sunan Ibn Mājah), No. 753 dan lain-lain. [Status: Sahih]

4.2: Solat Di Masjid Nabawi Adalah Lebih Baik Daripada Seribu Solat Di Masjid Lain Selain Masjidil Haram

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ﷺ، أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ:

((صَلَاةٌ فِي مَسْجِدِي هَذَا خَيْرٌ مِنْ أَلْفِ صَلَاةٍ فِيمَا سِوَاهُ، إِلَّا الْمَسْجِدَ الْحَرَامَ))

Daripada Abu Hurayrah ﷺ, beliau meriwayatkan bahawa Nabi ﷺ bersabda:

"Solat di masjidku ini (Masjid Nabawi) adalah lebih baik daripada seribu (1,000) solat di masjid-masjid selainnya melainkan Masjidil Haram (di Mekah)."

T: (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 1190 [Lafaz di atas]; (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmiʿ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 1394, 1395,

1396 & 1397; (al-Tirmidhī (279H), - al-Jāmiʿ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)), No. 325 & 3916 dan lain-lain.[Status: Sahih]

4.3: Perbandingan Gandaan Pahala Di Antara Ketiga-Tiga Masjid

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللهِ ﵄، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ:

((صَلاةٌ فِي الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ مِائَةُ أَلْفِ صَلَاةٍ، وَصَلَاةٌ فِي مَسْجِدِي أَلْفُ صَلَاةٍ، وَفِي بَيْتِ الْمَقْدِسِ خَمْسُ مِائَةِ صَلَاةٍ))

Daripada Jabir Bin Abdullah ﵄, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

"Satu solat di Masjidil Haram adalah seratus ribu kali ganda [berbanding masjid yang lain].

Dan satu solat di masjidku ini (Masjid Nabawi) adalah seribu kali ganda [berbanding masjid yang lain].

Dan [satu solat] di Masjidil Aqsa adalah lima ratus kali ganda [berbanding masjid yang lain]."

T: (al-Bayhaqī (458H), - Shuʿab al-Imān), No. 4144 [Lafaz di atas]: Pada sanadnya Ibrahim Ibn Abi Yahya. Juga dengan lafaz yang hampir serupa daripada Abu al-Darda' ﵁ di No. 4140. Dengan shawahid yang banyak.

*(al-'Ajluni (1162H), 2000M/1420H - Kashf al-Khafa' wa Muzil al-Ilbas): Beliau berpandangan bahawa sanad riwayat Imam al-Bayhaqi daripada Saidina Jabir ﵁ adalah hasan. Beliau menyebut (2/27): (ورواه الطبراني عن أبي الدرداء، والبيهقي عن جابر بسند حسن بلفظ صلاة في المسجد الحرام بمائة ألف صلاة وصلاة في مسجدي ألف صلاة وصلاة في بيت المقدس خمسمائة صلاة).

Hadith 5: Mahligai Di Syurga Buat Mereka Yang Membina Masjid Di Dunia (a)

عَنْ عُثْمَانَ بْنَ عَفَّانَ ﷺ، قَالَ – عِنْدَ قَوْلِ النَّاسِ فِيهِ، حِينَ بَنَى مَسْجِدَ الرَّسُولِ ﷺ – إِنَّكُمْ قَدْ أَكْثَرْتُمْ، وَإِنِّي سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ ﷺ يَقُولُ:

((مَنْ بَنَى مَسْجِدًا لِلهِ تَعَالَى، يَبْتَغِي بِهِ وَجْهَ اللهِ، بَنَى اللهُ لَهُ بَيْتًا فِي الجَنَّةِ))

Daripada [Saidina] 'Uthman Bin 'Affan ﷺ, beliau berkata – apabila orang ramai mula berkata tentang cadangan beliau untuk memperbaharui pembinaan Masjid Nabawi: Sesungguhnya kamu telah terlalu banyak berkata-kata, dan sesungguhnya aku telah mendengar Rasulullah ﷺ bersabda:

"Barangsiapa yang membina sebuah masjid kerana Allah ﷻ, bagi mencari dengannya keredaan Allah, maka Dia (Allah) akan membina baginya sebuah mahligai di dalam syurga."

T: (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 450 [Lafaz yang sama]; (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmiʿ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 833 [Lafaz di atas], 834, 5301 & 5302 dan lain-lain. [Status: Sahih]

5.1: Mahligai Di Syurga Buat Mereka Yang Membina Masjid Di Dunia (b)

عَنْ عَمْرِو بْنِ عَبَسَةَ ﷺ، أَنَّ رَسُولَ اللهِ ﷺ قَالَ:

((مَنْ بَنَى مَسْجِدًا يُذْكَرُ اللهُ فِيهِ، بَنَى اللهُ لَهُ بَيْتًا فِي الجَنَّةِ))

Daripada ʿAmr Bin ʿAbasah ﷺ, beliau meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

> "Barangsiapa yang membina masjid di mana Allah ﷻ disebut serta diingati padanya, maka Allah akan membina baginya mahligai di syurga."
>
> T: (al-Nasāʿī (303H), 1986 - al-Sunan al-Sughrā / al-Mujtabā min al-Sunan), No. 688 [Lafaz di atas]; (al-Nasāʿī (303H), 1986 - al-Sunan al-Kubrā), No. 769; (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad), No. 27673; (al-Tabarānī (360H), - Musnad al-Shāmiyyīn), No. 1162 dan lain-lain. S: ʿUthman Bin ʿAffan ﵁, Abu Bakr ﵁, Abu Dharr ﵁, Abu Hurayrah ﵁, Anas Bin Malik ﵁, Asma' Bint Yazid ﵂, Jabir ﵁, ʿAʾishah ﵂ dan lain-lain.

5.2: Mahligai Di Syurga Buat Mereka Yang Membina Masjid Di Dunia (c)

عَنْ عُثْمَانَ بْنِ عَفَّانَ ﵁، قَالَ: سَمِعْتُ النَّبِيَّ ﷺ يَقُولُ:

((مَنْ بَنَى لِلهِ مَسْجِدًا بَنَى اللهُ لَهُ مِثْلَهُ فِي الْجَـنَّةِ))

Daripada [Saidina] 'Uthman Bin 'Affan ﵁, beliau berkata: Aku telah mendengar Nabi ﷺ bersabda:

> "Barangsiapa yang membina sebuah masjid kerana Allah, maka Allah ﷻ akan membina baginya sebuah mahligai seumpamanya di syurga."
>
> T: (al-Tirmidhī (279H), - al-Jāmiʿ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)), No. 318 [Lafaz di atas] dan beliau berkata: (حَدِيثُ عُثْمَانَ حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ); (Ibn Mājah (273H), 2010 - Sunan Ibn Mājah), No. 736; (al-Dārimī (255H), 2000 - Sunan al-Dārimī), No. 1392; (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad), No. 436 & 508; (Ibn Khuzaymah (311H), - Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah), No. 1224; (Ibn Ḥibbān (354H), 1993 - Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān), No. 1609 dan lain-lain.

5.3: Mahligai Di Syurga Buat Mereka Yang Membina Masjid Walaupun Sangat Kecil

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللهِ ، أَنَّ رَسُولَ اللهِ ﷺ قَالَ:

((مَنْ بَنَى مَسْجِدًا لِلهِ كَمَفْحَصِ قَطَاةٍ أَوْ أَصْغَرَ، بَنَى اللهُ لَهُ بَيْتًا فِي الْجَنَّةِ))

Daripada Jabir Bin Abdullah , beliau meriwayatkan bahawa sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda:

> "Barangsiapa yang membina sebuah masjid kerana/bagi Allah, walaupun sebesar tempat burung al-Qatah meletakkan/mengeram telurnya atau lebih kecil, maka Allah akan membina baginya sebuah mahligai di syurga."
>
> T: (Ibn Mājah (273H), 2010 - Sunan Ibn Mājah), No. 738 [Lafaz di atas]: Sanadnya sahih & (al-Tahawi (321H), - Mushkil al-Athar), No. 1557. S: 'Abdullah Bin 'Abbas . [Status: Sahih]

Burung al-Qatah (kata jamak: Qatawat, Qatayat atau Qata) adalah sejenis burung kecil dari keluarga merpati yang tinggal di padang pasir dan mengeram telurnya di atas tanah.



https://www.youtube.com/watch?v=DE48UhDb-88

Hadith 6: Membina Masjid Adalah Pahala Yang Berterusan Walaupun Setelah Wafat

عَنْ أَنَسٍ ﷺ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ:

((سَبْعٌ يَجْرِي لِلْعَبْدِ أَجْرُهُنَّ مِنْ بَعْدِ مَوْتِهِ وَهُوَ فِي قَبْرِهِ: مَنْ عَلَّمَ عِلْمًا أَوْ كَرَى نَهْرًا أَوْ حَفَرَ بِئْرًا أَوْ غَرَسَ نَخْلًا أَوْ بَنَى مَسْجِدًا أَوْ وَرَّثَ مُصْحَفًا أَوْ تَرَكَ وَلَدًا يَسْتَغْفِرُ لَهُ بَعْدَ مَوْتِهِ))

Daripada Anas Ibn Malik ﷺ, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

> "Tujuh perkara yang masih mengalir pahalanya bagi seorang hamba [Allah] selepas kewafatannya, sedang dia berada di dalam kuburnya: Barangsiapa yang:
>
> (i) mengajarkan sesuatu ilmu, atau
>
> (ii) menggali sebatang sungai, atau
>
> (iii) mengorek sebuah telaga, atau
>
> (iv) menanam sepohon kurma, atau
>
> (v) **membina sebuah masjid**, atau
>
> (vi) mewariskan sebuah mushaf, atau
>
> (vii) meninggalkan seorang anak yang memohon keampunan baginya selepas kewafatannya."

T: (al-Bazzār (292H), 1997 - al-Baḥr al-Zakhkhār bi Musnad al-Bazzār), No. 7289 [Lafaz di atas]; (al-Haythamī (807H), 1979 - Kashf al-Astār ʿan Zawāʾid al-Bazzār), No. 149; (al-Bayhaqī (458H), - Shuʿab al-Imān), No. 3449 dan beliau berkata: (" مُحَمَّدُ بْنُ عُبَيْدِ اللَّهِ الْعَرْزَمِيُّ ضَعِيفٌ غَيْرَ أَنَّهُ قَدْ تَقَدَّمَهُ مَا يَشْهَدُ لِبَعْضِهِ، وَاللَّهُ أَعْلَمُ، وَهُمَا لا يُخَالِفَانِ الْحَدِيثَ الصَّحِيحَ، فَقَدْ قَالَ فِيهِ إِلا مِنْ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ وَهِيَ تَجْمَعُ مَا قَدْ جَاءَ بِهِ مِنَ الزِّيَادَةِ، قَالَ أَحْمَدُ: " وَمِنْهَا أَنْ يَتَصَدَّقَ بِأَحَبِّ أَمْوَالِهِ إِلَيْهِ، وَأَنْفَسِهَا عِنْدَهُ "); (Abū Nuʿaym al-Asbahānī (430H), 1409H - Ḥilyat al-Awliyāʾ wa Ṭabaqāt al-Aṣfiyāʾ), No. 2758 dan beliau berkata: (هَذَا حَدِيثٌ غَرِيبٌ مِنْ حَدِيثِ قَتَادَةَ، تَفَرَّدَ بِهِ أَبُو نُعَيْمٍ، عَنِ الْعَرْزَمِيِّ); &

(Ibn Abi Dawud (316H), - al-Masahif), No. 815. Dengan makna yang sangat mirip oleh: (Ibn al-Jawzī (597H), 1996 - al-Birr wa al-Ṣilah), No. 174.

KEMULIAAN AHLI MASJID

Hadith 7: Orang Yang Selalu/Sering Berulang-Alik Ke Masjid Adalah Orang Yang Beriman

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ:

((إِذَا رَأَيْتُمُ الرَّجُلَ يَعْتَادُ (/ يَتَعَاهَدُ) الْمَسْجِدَ فَاشْهَدُوا لَهُ بِالْإِيمَانِ، قَالَ اللهُ تَعَالَى:

﴿إِنَّمَا يَعۡمُرُ مَسَٰجِدَ ٱللَّهِ مَنۡ ءَامَنَ بِٱللَّهِ وَٱلۡيَوۡمِ ٱلۡأٓخِرِ﴾ التوبة: ١٨))

Daripada Abu Saʿid al-Khudri رضي الله عنه, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

> "Apabila kamu melihat seorang lelaki yang sentiasa pergi (berulang-alik) ke masjid, maka persaksikanlah baginya dengan keimanan. Allah ﷻ berfirman:
>
> ﴿إِنَّمَا يَعۡمُرُ مَسَٰجِدَ ٱللَّهِ مَنۡ ءَامَنَ بِٱللَّهِ وَٱلۡيَوۡمِ ٱلۡأٓخِرِ﴾
>
> *Hanyasanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat....* Surah al-Tawbah:18."

T: (al-Tirmidhī (279H), - al-Jāmiʿ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)), No. 2617 & 3093 [Lafaz di atas] dan beliau berkata: (هَذَا حَدِيثٌ حَسَنٌ غَرِيبٌ); (Ibn Mājah (273H), 2010 - Sunan Ibn Mājah), No. 802; (al-Dārimī (255H), 2000 - Sunan al-Dārimī), No. 1223; (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad), No. 27308 & 27325 dan lain-lain.

Hadith 8: Orang Yang Pergi Ke Masjid Adalah Tetamu Allah Dan Allah Memuliakan Para Tetamunya

عَنْ سَلْمَانَ ﷺ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ:

((مَا مِنْ مُسْلِمٍ يَتَوَضَّأُ فَيُحْسِنُ وُضُوءَهُ، إِلَّا كَانَ زَائِرَ اللهِ ﷻ وَحَقٌّ عَلَى الْمَزُورِ أَنْ يُكْرِمَ زَائِرَهُ))

Daripada Salman al-Farisi ﷺ, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

> "Tidak ada seorang Muslim yang berwuduk, dan dia menyempurnakan wuduknya itu dengan sebaik-baiknya [serta pergi ke masjid], melainkan dia adalah [seumpama] orang yang menziarahi Allah ﷻ.
>
> Dan adalah merupakan tanggungjawab[1] bagi pihak yang diziarahi untuk memuliakan orang yang menziarahinya."

T: (al-Tabarānī (360H), - al-Muʿjam al-Kabīr), No. 6139 & 6145 [Lafaz di atas]: Sanadnya sahih; (Abu Nu'aym al-Asbahani (430H), - Akhbar Asbahan), No. 2292 dan lain-lain.

*(al-Mundhiri (656H), 1417H - al-Targhib wa al-Tarhib min al-Hadith al-Sharif), No. 487, Jilid ¼, p.135, beliau berkata: (رَوَاهُ الطَّبَرَانِيّ فِي الْكَبِير بِإِسْنَادَيْنِ أَحدهمَا جيد وروى الْبَيْهَقِيّ نَحوه مَوْقُوفا على أَصْحَاب رَسُول الله صلى الله عَلَيْهِ وَسلم بِإِسْنَاد صَحِيح).

[1] Pada hakikatnya, Allah ﷻ tidak mempunyai sebarang kewajipan yang Dia perlu lakukan terhadap mana-mana makhlukNya. Dia berhak melakukan apa sahaja yang Dia kehendaki. Hadith ini dan lafaznya bertujuan untuk menunjukkan kemuliaan orang yang pergi ke masjid di sisi Allah ﷻ.

Hadith 9: Allah Merahmati Dan Mengasihi Seseorang Yang Mesra Dengan Masjid

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ ﷺ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ :

((مَنْ أَلِفَ الْمَسْجِدَ أَلِفَهُ اللهُ))

Daripada Abu Saʿid al-Khudri ﷺ, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

> "Barangsiapa yang mesra dengan masjid, maka Allah juga mesra dengannya [merahmati dan mengasihinya]."

T: (al-Tabarānī (360H), - al-Muʿjam al-Awṣaṭ), No. 6383 dan beliau berkata: (لَمْ يَرْوِ هَذَا الْحَدِيثَ عَنْ دَرَّاجٍ إِلا ابْنُ لَهِيعَةَ، تَفَرَّدَ بِهِ: عَمْرُو بْنُ خَالِدٍ).

*(al-Haythamī (807H), 1994 - Majmaʿ al-Zawāʾid wa Manbaʿ al-Fawāʾid), No. 2031 (23/2) dan beliau berkata: (رَوَاهُ الطَّبَرَانِيُّ فِي الْأَوْسَطِ وَفِيهِ ابْنُ لَهِيعَةَ وَفِيهِ كَلَامٌ.).

Berkenaan dengan perawi [al-Qadi al-Imam al-ʿAllamah ʿAbdullah] Ibnu Lahiʿah, Imam Ibnu Hajar al-ʿAsqalani menyebut beliau sebagai: (صدوق ، خلط بعد احتراق كتبه ، ورواية ابن المبارك وابن وهب عنه أعدل من غيرهما) di dalam al-Taqrib.

Hadith 10: Orang Yang Mengimarahkan Masjid-Masjid Adalah Ahli-Ahli Allah ﷻ

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رضي الله عنه، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ:

((إِنَّ عُمَّارَ بُيُوتِ اللهِ هُمْ أَهْلُ اللهِ عز وجل))

Daripada Anas Bin Malik رضي الله عنه berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

> "Sesungguhnya orang-orang yang mengimarahkan rumah-rumah Allah (masjid-masjid) adalah ahli-ahli bagi Allah ﷻ (diumpamakan seumpama ahli keluarga bagi menyatakan kemuliaan mereka)."

T: (al-Bayhaqī (458H), 2000 - al-Sunan al-Kubrā), No. 4598 [Lafaz di atas] dan beliau berkata: (صَالِحٌ الْمُرِّيُّ غَيْرُ قَوِيٍّ) Salih al-Murri (salah seorang perawi) bukanlah kuat; (Abū Dāwūd al-Ṭayālisī (204H), - Musnad Abū Dāwūd al-Ṭayālisī), No. 2153; (al-Bazzār (292H), 1997 - al-Baḥr al-Zakhkhār bi Musnad al-Bazzār), No. 6941 dan beliau berkata: (وَهَذَا الْحَدِيثُ لَا نَعْلَمُ رَوَاهُ عَنْ ثَابِتٍ، عَنْ أَنَسٍ إِلَّا صَالِحٌ); (Abū Yaʿlā al-Mawṣilī (307H), 1992 - Musnad Abī Yaʿlā al-Mawṣilī), No. 3406; (Ibn Ḥajar al-ʿAsqalānī (852H), 1998 - al-Maṭālib al-ʿĀliyah bi Zawāʾid al-Masānid al-Thamāniyah), No. 372 dan beliau berkata: (وَقَالَ الْبَزَّارُ: لا نَعْلَمُ رَوَاهُ عَنْ ثَابِتٍ إِلا صَالِحٌ، وَكَذَا قَالَ الطَّبَرَانِيُّ); (al-Būṣīrī (840H), 1998 - Itḥāf al-Khiyarah al-Maharah bi Zawāʾid al-Masānīd al-ʿAsharah), No. 1479 & 1480 dan lain-lain.

*(al-Haythamī (807H), 1994 - Majmaʿ al-Zawāʾid wa Manbaʿ al-Fawāʾid), No. 2030, Jilid 2/10, p.23 dan beliau berkata: (رَوَاهُ الطَّبَرَانِيُّ فِي الْأَوْسَطِ، وَأَبُو يَعْلَى وَالْبَزَّارُ، وَفِيهِ صَالِحٌ الْمُرِّيُّ وَهُوَ ضَعِيفٌ).

Hadith 11: Orang Yang Mengimarahkan Masjid Dimuliakan Sebagai "Jiran Allah"

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ ﷺ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ:

((إِنَّ اللهَ تَعَالَى يُنَادِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ: أَيْنَ جِيرَانِي ؟ أَيْنَ جِيرَانِي؟ ، فَتَقُولُ الْمَلَائِكَةُ: رَبَّنَا، وَمَنْ يَنْبَغِي لَهُ أَنْ يُجَاوِرَكَ؟، فَيَقُولُ: أَيْنَ عُمَّارُ الْمَسَاجِدِ؟))

Daripada Anas Bin Malik ﷺ, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

"Sesungguhnya Allah ﷻ menyeru/berfirman pada Hari Kiamat kelak: Di manakah jiran-jiranKu? Di manakah jiran-jiranKu?.

Lalu para malaikat berkata: Wahai Tuhan kami, siapakah yang berhak/layak untuk menjadi jiranMu?.

Maka Allah berfirman: Di mana orang-orang yang mengimarahkan masjid-masjid?."

T: (Abu Bakr al-Shafi'i (354H), - al-Fawa'id al-Shahir bi al-Ghaylaniyyat), No. 1095 [Lafaz di atas]; (al-Haythami (807H), - Bughyat al-Bahith 'an Zawa'id Musnad al-Harith), No. 121; (al-Būṣīrī (840H), 1998 - Itḥāf al-Khiyarah al-Maharah bi Zawāʾid al-Masānīd al-ʿAsharah), No. 1481 & (Ibn Ḥajar al-ʿAsqalānī (852H), 1996 - Ithaf al-Maharah bi al-Fawa'id al-Mubtakarah min Atraf al-'Asharah), No. 371. [Status: Hasan li ghayrih]

Hadith 12: "Awtād" Masjid: Orang-Orang Yang Menjadi Pasak-Pasak Masjid (Asas Pengimarahan Masjid) Dikasihi Oleh Para Mala'ikat

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ﷺ، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ:

((إِنَّ لِلْمَسَاجِدِ أَوْتَادًا، اَلْـمَلَائِكَةُ جُلَسَاؤُهُمْ، إِنْ غَابُوا يَفْتَقِدُونَهُمْ، وَإِنْ مَرِضُوا عَادُوهُمْ، وَإِنْ كَانُوا فِي حَاجَةٍ أَعَانُوهُمْ))

Daripada Abu Hurayrah ﷺ, beliau meriwayatkan bahawa Nabi ﷺ bersabda:

> "Sesungguhnya bagi masjid-masjid itu para autād (pasak-pasak/ orang-orang yang menjadi asas pengimarahan masjid): Para malaikat adalah teman-teman duduk bersama mereka. Sekiranya mereka tidak hadir [ke masjid], para malaikat itu akan mencari-cari mereka; dan sekiranya mereka jatuh sakit, para malaikat itu akan menziarahi mereka; dan sekiranya mereka mempunyai hajat yang diusahakan, para malaikat itu akan membantu mereka."

T: (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad), No. 9143 [Lafaz di atas] & (Abu Nu'aym al-Asbahani (430H), 1993M/1414H - al-Arba'in 'ala Madhhab al-Mutahaqqiqin min al-Sufiyyah), No. 37.

*(al-Haythamī (807H), 1994 - Majmaʿ al-Zawāʾid wa Manbaʿ al-Fawāʾid), No. 2025 (22/2) dan beliau berkata: (رَوَاهُ أَحْمَدُ، وَفِيهِ ابْنُ لَهِيعَةَ وَفِيهِ كَلَامٌ).

Juga diriwayatkan secara mursal daripada ʿAthaʾ Ibn Abi Muslim al-Khurasani di (al-Bayhaqī (458H), - Shuʿab al-Imān), No. 2955 & (Mu'ammar Ibn Rashid (154H), - al-Jami'), No. 20585.

Juga diriwayatkan sebagai secara mawquf pada ʿAbdullah Bin Salam ﷺ di (al-Ḥakim (405H), 1990 - al-Mustadrak ʿalā al-Saḥīḥayn), No. 3437 dan beliau berkata: (هَذَا حَدِيثٌ صَحِيحٌ عَلَى شَرْطِ الشَّيْخَيْنِ مَوْقُوفٌ وَلَمْ يُخْرِجَاهُ) dan (al-Bayhaqī (458H), - Shuʿab al-Imān), No. 1763.

Hadith 13: Hati Yang Bergantung Di Masjid: Rindu Dan Kasih Kepada Masjid – Di Bawah Lindungan Allah Pada Hari Kiamat

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ﷺ، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ:

((سَبْعَةٌ يُظِلُّهُمُ اللهُ فِي ظِلِّهِ يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلُّهُ، الْإِمَامُ الْعَادِلُ، وَشَابٌّ نَشَأَ فِي عِبَادَةِ رَبِّهِ، وَرَجُلٌ قَلْبُهُ مُعَلَّقٌ فِي الْمَسَاجِدِ (/ بِالْمَسَاجِدِ)، وَرَجُلَانِ تَحَابَّا فِي اللهِ اجْتَمَعَا عَلَيْهِ وَتَفَرَّقَا عَلَيْهِ، وَرَجُلٌ طَلَبَتْهُ امْرَأَةٌ ذَاتُ مَنْصِبٍ وَجَمَالٍ، فَقَالَ: إِنِّي أَخَافُ اللهَ، وَرَجُلٌ تَصَدَّقَ أَخْفَى حَتَّى لَا تَعْلَمَ شِمَالُهُ مَا تُنْفِقُ يَمِينُهُ، وَرَجُلٌ ذَكَرَ اللهَ خَالِيًا فَفَاضَتْ عَيْنَاهُ))

Daripada Abu Hurayrah ﷺ, beliau meriwayatkan daripada Nabi ﷺ bahawa baginda bersabda:

"Tujuh golongan manusia yang akan dinaungi dengan lindungan Allah ﷻ pada hari di mana tiada perlindungan melainkan perlindunganNya:

(i) Pemerintah yang adil, dan

(ii) Pemuda yang membesar di dalam beribadat kepada Tuhannya, dan

(iii) **Lelaki yang mana hatinya tergantung di masjid-masjid**, dan

(iv) Dua orang lelaki yang saling kasih-mengasihi kerana Allah, mereka berdua berkumpul dan berpisah keranaNya, dan

(v) Lelaki yang diminta oleh seorang wanita yang mempunyai kedudukan dan kecantikan (untuk berzina), lalu dia berkata: Sesungguhnya aku takutkan Allah ﷻ, dan

(vi) Lelaki yang memberi sedekah secara tersembunyi sehingga tangan kirinya tidak mengetahui apakah yang diinfaqkan oleh tangan kanannya, dan

(vii) Lelaki yang berzikir kepada Allah ﷻ secara *khalwah* (bersendiri) sehingga mengalir air mata kedua-dua matanya."

T: (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 660 [Lafaz di atas], 1423, 6479 & 6806; (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmiʿ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 1033; (al-Tirmidhī (279H), - al-Jāmiʿ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)), No. 2391; (al-Nasāʾī (303H), 1986 - al-Sunan al-Sughrā / al-Mujtabā min al-Sunan), No. 5380; (Malik (179H), - al-Muwatta' - Riwayat Yahya al-Laythi), No. 1777; (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad), No. 9373; (Ibn Khuzaymah (311H), - Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah), No. 358; (Ibn Ḥibbān (354H), 1993 - Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān), No. 4578 & 7497 dan lain-lain.

Imam al-Nawawi menyatakan bahawa makna "Hati yang bergantung dengan masjid" ialah:

وَمَعْنَاهُ: شَدِيدُ الْحُبِّ لَهَا وَالْمُلَازَمَةُ لِلْجَمَاعَةِ فِيهَا، وَلَيْسَ مَعْنَاهُ: دَوَامُ الْقُعُودِ فِي الْمَسْجِدِ.

"Dan maknanya adalah: kecintaan yang mendalam terhadapnya (masjid) dan sering melazimi solat berjemaah di dalamnya. Dan bukanlah maknanya itu: sentiasa duduk di dalam masjid."

Hadith 14: Kurniaan Allah ﷻ Bagi Mereka Yang Melazimi Masjid Dan Menjadikannya Seumpama Rumah Baginya

عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ وَاسِعٍ، قَالَ: قَالَ أَبُو الدَّرْدَاءِ ﵁ لِابْنِهِ: يَا بُنَيَّ، لِيَكُنِ الْمَسْجِدُ بَيْتَكَ، فَإِنِّي سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ ﷺ يَقُولُ:

((اَلْمَسَاجِدُ بُيُوتُ الْمُتَّقِينَ، فَمَنْ يَكُنِ الْمَسْجِدُ بَيْتَهُ يَضْمَنِ اللهُ لَهُ الرَّوْحَ وَالرَّحْمَةَ وَالْجَوَازَ عَلَى الصِّرَاطِ إِلَى الْجَنَّةِ))

Daripada Muḥammad Bin Wāsiʿ, beliau berkata: Abū al-Dardāʾ ﵁ berkata kepada anak lelakinya: Wahai anakku! Hendaklah masjid itu menjadi rumahmu (tempat yang engkau selalu berada di dalamnya). Sesungguhnya aku telah mendengar Rasulullah ﷺ bersabda:

> "Masjid-masjid adalah rumah-rumah bagi orang-orang yang bertaqwa, dan barangsiapa yang menjadikan masjid sebagi rumahnya, maka Allah memberi jaminan baginya dengan kerehatan/ rezeki, rahmat dan melepasi titian sirat sehingga ke syurga."

T: (Ibn Abi Shaybah (235H), 2004 - Musannaf Ibn Abi Shaybah), No. 35614 [Lafaz di atas]; (al-Bazzār (292H), 1997 - al-Baḥr al-Zakhkhār bi Musnad al-Bazzār), No. 4152; (Ibn Ḥajar al-ʿAsqalānī (852H), 1998 - al-Maṭālib al-ʿĀliyah bi Zawāʾid al-Masānid al-Thamāniyah), No. 373; (al-Būṣīrī (840H), 1998 - Itḥāf al-Khiyarah al-Maharah bi Zawāʾid al-Masānīd al-ʿAsharah), No. 1485 dan beliau berkata: (هَذَا إِسْنَادٌ ضَعِيفٌ لِجَهَالَةِ بَعْضِ رُوَاتِهِ، رَوَاهُ وَالْأَوْسَطِ، وَالْبَزَّارُ، الطَّبَرَانِيُّ فِي الْكَبِيرِ وَقَالَ: إِسْنَادُهُ حَسَنٌ، قَالَ الْحَافِظُ الْمُنْذِرِيُّ رَحِمَهُ اللَّهُ، وَهُوَ كَمَا قَالَ); (al-Shihāb al-Quḍāʿī (454H), 1986 - Musnad al-Shihāb), No. 72; (al-Haythamī (807H), 1979 - Kashf al-Astār ʿan Zawāʾid al-Bazzār), No. 434 dan beliau berkata: (قَالَ الْبَزَّارُ: لا نَعْلَمُ هَذَا الْحَدِيثَ بِهَذَا اللَّفْظِ إِلا بِهَذَا الإِسْنَادِ، وَإِسْنَادُهُ حَسَنٌ، وَقَدْ رَوَى نَحْوَهُ بِغَيْرِ لَفْظِهِ.); (al-Bayhaqī (458H), - Shuʿab al-Imān), No. 2948 & 10657 dan lain-lain. S: Salman al-Farisi ﵁. [Status: Sahih li ghayrih].

14.1: Tiga Teman Duduk Bagi Seseorang Yang Berada Di Masjid

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ﷺ، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ:

((جَلِيسُ الْمَسْجِدِ عَلَى ثَلَاثِ خِصَالٍ: أَخٍ مُسْتَفَادٍ، أَوْ كَلِمَةٍ مُحْكَمَةٍ، أَوْ رَحْمَةٍ مُنْتَظَرَةٍ))

Daripada Abu Hurayrah ﵁, beliau meriwayatkan bahawa Nabi ﷺ bersabda:

"Teman duduk [bagi seseorang yang berada] di masjid terdiri daripada tiga perkara:

(i) Seorang saudara yang dapat diambil faedah kebaikan daripadanya; atau

(ii) Kalimah yang kukuh (mendapat ilmu yang bermanfaat); atau

(iii) Rahmat yang dinantikan (dengan doa daripada malaikat)."

T: (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad), No. 27617.

*(al-Haythamī (807H), 1994 - Majmaʿ al-Zawāʾid wa Manbaʿ al-Fawāʾid), No. 2025, Jilid 2/10, p.22 dan beliau berkata: (رَوَاهُ أَحْمَدُ، وَفِيهِ ابْنُ لَهِيعَةَ وَفِيهِ كَلَامٌ).

Hadith 15: Para Wanita Juga Mempunyai Hak Untuk Mengimarahkan Masjid

عَنِ ابْنِ عُمَرَ رضي الله عنهما، أَنَّ رَسُولَ اللهِ ﷺ قَالَ:

((لَا تَمْنَعُوا إِمَاءَ اللهِ مَسَاجِدَ اللهِ))

Daripada ʿAbdullah Bin ʿUmar رضي الله عنهما, beliau meriwayatkan bahawa sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda:

> "Janganlah kamu menghalang para wanita daripada menghadiri masjid-masjid [milik] Allah."

T: (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 900, [Lafaz di atas]; (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmiʿ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 673 [Lafaz di atas]-Muttafaq ʿalayh; (Abū Dāwud (275H), 2010 - Sunan Abī Dāwud), No. 566 [Lafaz yang sama] dan lain-lain.[Status: Sahih]

15.1: Para Wanita Juga Mempunyai Hak Untuk Mengimarahkan Masjid (b)

عَنِ ابْنِ عُمَرَ رضي الله عنهما، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ :

((لَا تَمْنَعُوا النِّسَاءَ حُظُوظَهُنَّ مِنَ الْمَسَاجِدِ، إِذَا اسْتَأْذَنُوكُمْ))

Daripada ʿAbdullah Bin ʿUmar رضي الله عنهما, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

> "Janganlah kamu menghalang para wanita daripada mendapatkan bahagian-bahagian mereka di masjid-masjid, apabila mereka meminta izin daripada kamu [untuk pergi ke masjid]."

T: (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 865, 873 & 899; (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmiʿ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 671, 672, 674, 675, 676 & 677 [Lafaz di atas]; (al-Tirmidhī (279H), - al-Jāmiʿ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)), No. 570 dan lain-lain. [Status: Sahih]

Secara umumnya, adalah lebih *afdal* bagi para wanita untuk melakukan solat fardu di rumah mereka berdasarkan banyak hadith di dalam bab ini. Namun begitu, itu tidak bermakna mereka tidak dibenarkan untuk pergi ke masjid – kerana permasalahan ini adalah berkenaan perbezaan di antara *afdal* dan *fadil* atau *ahsan* dan *hasan*, atau lebih baik dan baik, bukannya di antara halal dan haram. Dan di sana juga terdapat banyak riwayat hadith berkenaan para wanita yang hadir bersolat di masjid bersama Rasulullah ﷺ. Ini jelas menunjukkan keharusan dan penshariatan kedatangan wanita ke masjid.

Kemudian, apabila bertambah besarnya jumlah umat Islam yang hadir ke masjid, dan kemungkinan berlakunya fitnah semakin besar, maka sebahagian para Sahabat ﷺ dan ulama' mula menegaskan agar wanita bersolat di rumah masing-masing. Begitu juga, para ulama' membahaskan syarat-syarat untuk para wanita ke masjid yang mana secara kesimpulannya adalah "tidak menimbulkan fitnah" dan "tidak terdedah kepada fitnah."

Pada hari ini, Alhamdulillah – kemudahan bagi para wanita untuk hadir ke masjid bagi menunaikan solat berjemaah tanpa menimbulkan fitnah dimudahkan dengan adanya ruang solat yang khusus, ruang wuduk yang tertutup, pintu masuk yang berbeza dengan lelaki dan sebagainya. Namun begitu, mereka perlu mendapatkan keizinan daripada suami atau wali mereka untuk ke masjid. Dan Rasulullah ﷺ berpesan kepada para suami atau wali agar tidak menghalang mereka dari datang mengerjakan ibadah di masjid [jika tiada sebarang fitnah yang berlaku]. Apatah lagi, dalam banyak keadaan, kedatangan mereka ke masjid bukanlah hanya untuk bersolat jemaah tetapi juga untuk menghadiri kuliah-kuliah ilmu

yang tidak mampu diajar oleh suami atau orang-orang lelaki di rumah mereka.(والله أعلم)

KEMULIAAN PERJALANAN MENUJU KE MASJID

Hadith 16: Pergi Ke Masjid Adalah Merupakan Jihad Di Jalan Allah

عَنْ أَبِي أُمَامَةَ ﷺ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ :

((اَلْغُدُوُّ وَالرَّوَاحُ إِلَى الْمَسَاجِدِ مِنَ الْجِهَادِ فِي سَبِيلِ اللهِ))

Daripada Abu Umamah al-Bahili ﷺ, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

> "Pergi ke masjid-masjid pada waktu pagi dan petang adalah [dikira] daripada berjihad di jalan Allah ﷻ."

T: (al-Tabarānī (360H), - Musnad al-Shāmiyyīn), No. 879 [Lafaz di atas]; (al-Tabarānī (360H), - al-Muʿjam al-Kabīr), No. 7739 & (Ibn ʿAsākir (571H), 1998 - Tārīkh Dimashq), No. 12852 & 69733 [Semuanya dengan lafaz yang sama].

*(al-Haythamī (807H), 1994 - Majmaʿ al-Zawāʾid wa Manbaʿ al-Fawāʾid), No. 2075 (29/2) dan beliau berkata: (رَوَاهُ الطَّبَرَانِيُّ فِي الْكَبِيرِ وَفِيهِ الْقَاسِمُ بْنُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ ثِقَةٌ وَفِيهِ اخْتِلَافٌ).

Hadith 17: Pahala Bagi Setiap Satu Langkah Bagi Orang Yang Bersuci Di Rumahnya Dan Pergi Ke Masjid Bagi Menunaikan Solat Fardu

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ﵁، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ:

((مَنْ تَطَهَّرَ فِي بَيْتِهِ، ثُمَّ مَشَى إِلَى بَيْتٍ مِنْ بُيُوتِ اللهِ لِيَقْضِيَ فَرِيضَةً مِنْ فَرَائِضِ اللهِ، كَانَتْ خَطْوَتَاهُ إِحْدَاهُمَا تَحُطُّ خَطِيئَةً، وَالأُخْرَى تَرْفَعُ دَرَجَةً))

Daripada Abu Hurayrah ﵁, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

> "Barangsiapa yang bersuci (berwudu') di rumahnya, kemudian dia berjalan menuju ke sebuah rumah (masjid) daripada rumah-rumah Allah bagi menunaikan satu kefarduan (solat) daripada kefarduan-kefarduan (solat yang diperintahkan) Allah ﷻ: (maka) langkah-langkahnya itu, salah satunya menghapuskan satu kesalahan dan (langkah) yang lain pula mengangkat satu darjat."

T: (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmiʿ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 669 [Lafaz di atas]; (al-Tirmidhī (279H), - al-Jāmiʿ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)), No. 603; (Ibn Mājah (273H), 2010 - Sunan Ibn Mājah), No. 281 & 774; (Ibn Khuzaymah (311H), - Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah), No. 1422; (Ibn Ḥibbān (354H), 1993 - Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān), No. 2044 dan lain-lain. [Status: Sahih]

Hadith 18: Seorang Mukmin Yang Pergi Ke Masjid Dijamin Syurga Dan Ganjarannya Oleh Allah

عَنْ أَبِي أُمَامَةَ الْبَاهِلِيِّ ﷺ، عَنْ رَسُولِ اللهِ ﷺ قَالَ :

((ثَلَاثَةٌ كُلُّهُمْ ضَامِنٌ عَلَى اللهِ ﷻ : رَجُلٌ خَرَجَ غَازِيًا فِي سَبِيلِ اللهِ فَهُوَ ضَامِنٌ عَلَى اللهِ حَتَّى يَتَوَفَّاهُ، فَيُدْخِلَهُ الْجَنَّةَ أَوْ يَرُدَّهُ بِمَا نَالَ مِنْ أَجْرٍ وَغَنِيمَةٍ، وَرَجُلٌ رَاحَ إِلَى الْمَسْجِدِ فَهُوَ ضَامِنٌ عَلَى اللهِ حَتَّى يَتَوَفَّاهُ، فَيُدْخِلَهُ الْجَنَّةَ أَوْ يَرُدَّهُ بِمَا نَالَ مِنْ أَجْرٍ وَغَنِيمَةٍ، وَرَجُلٌ دَخَلَ بَيْتَهُ بِسَلَامٍ فَهُوَ ضَامِنٌ عَلَى اللهِ ﷻ))

Daripada Abu Umamah al-Bahili ﷺ, beliau meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

> "Tiga orang, setiap daripada mereka dijamin ganjarannya oleh Allah ﷻ.
>
> [Pertama:] Seorang yang keluar berjuang di jalan Allah, maka ganjaran baginya dijamin oleh Allah, sama ada dia diwafatkan oleh Allah, lalu Allah memasukkannya ke dalam syurga, atau Allah mengembalikannya [ke rumahnya/keluarganya] dengan habuan pahala dan *ghanimah* (harta rampasan perang); dan
>
> [Kedua:] **Seorang yang keluar di awal pagi hari ke masjid, maka ganjaran baginya dijamin oleh Allah**, sama ada dia diwafatkan oleh Allah, lalu Allah memasukkannya ke dalam syurga, atau Allah mengembalikannya [ke rumahnya/keluarganya] dengan habuan pahala dan *ghanimah* (ganjaran yang besar); dan
>
> [Ketiga:] Seorang yang memasuki rumahnya dengan memberi salam, maka ganjaran baginya dijamin oleh Allah."

T: (Abū Dāwud (275H), 2010 - Sunan Abī Dāwud), No. 2494 [Lafaz di atas]: Tanpa sebarang komentar: Sanadnya hasan; (Ibn Ḥibbān (354H),

1993 - Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān), No. 499: Sanadnya baik; (al-Ḥakim (405H), 1990 - al-Mustadrak ʿalā al-Saḥīḥayn), No. 2335 dan beliau berkata: (هَذَا حَدِيثٌ صَحِيحُ الإِسْنَادِ، وَلَمْ يُخَرِّجَاهُ); (al-Bayhaqī (458H), 2000 - al-Sunan al-Kubrā), No. 17055; (al-Rūyānī (307H), 1416H - Musnad al- Rūyānī), No. 1265; (al-Tabarānī (360H), - Musnad al-Shāmiyyīn), No. 1596 dan lain-lain. S: Mua'dh Ibn Jabal ﷺ & 'Abdullah Ibn 'Amr ﷺ. [Status: Sahih li ghayrih].

Lafaz hadith ini di dalam Sahih Ibn Hibban (No. 499) adalah seperti berikut:

((ثَلاثَةٌ كُلُّهُمْ ضَامِنٌ عَلَى اللهِ، إِنْ عَاشَ رُزِقَ وَكُفِيَ، وَإِنْ مَاتَ أَدْخَلَهُ اللهُ الْجَنَّةَ: مَنْ دَخَلَ بَيْتَهُ فَسَلَّمَ، فَهُوَ ضَامِنٌ عَلَى اللهِ، وَمَنْ خَرَجَ إِلَى الْمَسْجِدِ، فَهُوَ ضَامِنٌ عَلَى اللهِ، وَمَنْ خَرَجَ فِي سَبِيلِ اللهِ فَهُوَ ضَامِنٌ عَلَى اللهِ))

"Tiga orang, setiap daripada mereka dijamin ganjarannya oleh Allah ﷻ. Sekiranya mereka terus hidup, maka mereka akan diberi rezeki dan kecukupan hidup. Sekiranya mereka wafat, Allah ﷻ akan memasukkan mereka ke dalam syurga:

[Pertama] Sesiapa yang memasuki rumahnya dengan memberi salam, maka maka ganjaran baginya dijamin oleh Allah.

[Kedua] **Sesiapa yang keluar pergi ke masjid, maka ganjaran baginya dijamin oleh Allah**.

[Ketiga] Sesiapa yang keluar di jalan Allah, maka ganjaran baginya dijamin oleh Allah."

18.1: Enam Majlis Yang Dijamin Ganjarannya (Syurga): Di Antaranya Ialah Majlis Di Masjid Jama'ah

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عَمْرٍو ﷺ عَنْ رَسُولِ اللهِ ﷺ، قَالَ:

((سِتَّةُ مَجَالِسَ، الْمُؤْمِنُ ضَامِنٌ عَلَى اللهِ تَعَالَى مَا كَانَ فِي شَيْءٍ مِنْهَا: فِي مَسْجِدِ جَمَاعَةٍ، وَعِنْدَ مَرِيضٍ، أَوْ فِي جَنَازَةٍ، أَوْ فِي بَيْتِهِ، أَوْ عِنْدَ إِمَامٍ مُقْسِطٍ يُعَزِّرُهُ وَيُوَقِّرُهُ، (أَوْ فِي مَشْهَدِ جِهَادٍ)))

Daripada 'Abdullah Bin 'Amr رضي الله عنهما, beliau meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

> "Enam majlis, seorang Mukmin yang berada padanya dijamin ganjarannya (syurga) oleh Allah ﷻ. [Majlis-majlis tersebut ialah]:
>
> (i) Di dalam masjid jama'ah (yang didirikan padanya solat berjemaah); dan
>
> (ii) Di sisi orang sakit [yang diziarahi]; atau
>
> (iii) Di sisi jenazah [yang diiringi]; atau
>
> (iv) Di dalam rumahnya [yang diberi salam sebelum memasukinya]; atau
>
> (v) Di sisi pemimpin yang adil, dan dia memuliakannya dan menghormatinya; atau
>
> (vi) (Di lapangan jihad)."

T: (al-Haythamī (807H), 1994 - Majmaʿ al-Zawāʾid wa Manbaʿ al-Fawāʾid), No. 2034 [Lafaz di atas] dan beliau berkata: (رَوَاهُ الطَّبَرَانِيُّ فِي الْكَبِيرِ وَالْبَزَّارُ بِنَحْوِهِ، وَرِجَالُهُ مُوَثَّقُونَ).

*Juga di dalam: ('Abd Ibn Humayd (249H), - Musnad 'Abd Ibn Humayd), No. 337; (Ibn Zanjuyah (251H), - al-Amwal), No. 48; (al-

Haythamī (807H), 1979 - Kashf al-Astār ʿan Zawāʾid al-Bazzār), No. 435; (al-Būṣīrī (840H), 1998 - Itḥāf al-Khiyarah al-Maharah bi Zawāʾid al-Masānīd al-ʿAsharah), No. 1486 dan beliau berkata: (وَرَوَاهُ الْبَزَّارُ فِي مُسْنَدِهِ، ثَنَا سَلَمٌ، ثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يَزِيدَ، فَذَكَرَهُ.وَرَوَاهُ الطَّبَرَانِيُّ فِي مُعْجَمِهِ الْكَبِيرِ مِنْ طَرِيقِ الْأَفْرِيقِيِّ.قُلْتُ: مَدَارُ أَسَانِيدِ هَذَا الْحَدِيثِ عَلَى الْأَفْرِيقِيِّ وَهُوَ ضَعِيفٌ، لَكِنَّ الْمَتْنَ لَهُ شَاهِدٌ مِنْ حَدِيثِ مُعَاذِ بْنِ جَبَلٍ، رَوَاهُ أَحْمَدُ بْنُ حَنْبَلٍ، وَالْبَزَّارُ فِي مُسْنَدَيْهِمَا، وَابْنُ خُزَيْمَةَ، وَابْنُ حِبَّانَ فِي صَحِيحَيْهِمَا) & (Ibn Ḥajar al-ʿAsqalānī (852H), 1998 - al-Maṭālib al-ʿĀliyah bi Zawāʾid al-Masānid al-Thamāniyah), No. 374.

*(al-Mundhiri (656H), 1417H - al-Targhib wa al-Tarhib min al-Hadith al-Sharif), No. 496: Tambahan: (أَوْ فِي مَشْهَدِ جِهَادٍ) adalah daripada nukilan beliau. Dan beliau berkata: (رَوَاهُ الطَّبَرَانِيّ فِي الْكَبِير وَالْبَزَّار وَلَيْسَ إِسْنَاده بِذَاكَ لَكِن رُوِيَ من حَدِيث معَاذ بِإِسْنَاد صَحِيح وَيَأْتِي فِي الْجِهَاد وَغَيره إِن شَاءَ الله تَعَالَى).

Pada riwayat Ibn Zanjuyah di dalam kitab "Al-Amwal" (No. 48), terdapat tambahan di hujung nasnya:

قَالَ: قُلْتُ: مَا الضَّامِنُ؟ قَالَ: ((مَنْ مَاتَ فِي شَيْءٍ مِنْهَا دَخَلَ الْجَنَّةَ))

"Beliau (ʻAbdullah Bin ʻAmr رضي الله عنهما) berkata: Aku berkata: Apakah yang dijamin [bagi mereka]?. Baginda ﷺ berkata: Barangsiapa yang meninggal dunia dalam keadaan tersebut, dia akan memasuki syurga."

Hadith 19: Cahaya Yang Sempurna Bagi Mereka Yang Pergi Ke Masjid Pada Waktu Gelap (Malam)

عَنْ بُرَيْدَةَ الْأَسْلَمِيِّ ﷺ، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ:

((بَشِّرِ الْمَشَّائِينَ فِي الظُّلَمِ إِلَى الْمَسَاجِدِ بِالنُّورِ التَّامِّ يَوْمَ الْقِيَامَةِ))

Daripada Buraydah al-Aslamī ﷺ, beliau meriwayatkan bahawa Baginda Nabi ﷺ bersabda:

> "Berikanlah berita gembira kepada orang-orang yang sering berjalan di dalam kegelapan (malam) ke masjid-masjid dengan cahaya yang sempurna pada Hari Kiamat kelak."

T: (al-Tirmidhī (279H), - al-Jāmiʿ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)), No. 223 [Lafaz di atas] dan beliau berkata: (هَذَا حَدِيثٌ غَرِيبٌ مِنْ هَذَا الْوَجْهِ، مَرْفُوعٌ هُوَ صَحِيحٌ مُسْنَدٌ، وَمَوْقُوفٌ إِلَى أَصْحَابِ النَّبِيِّ ﷺ وَلَمْ يُسْنَدْ إِلَى النَّبِيِّ ﷺ); (Abū Dāwud (275H), 2010 - Sunan Abī Dāwud), No. 561; (al-Bayhaqī (458H), 1992 - al-Sunan al-Saghīr), No. 473; (al-Bayhaqī (458H), 2000 - al-Sunan al-Kubrā), No. 4586; (al-Bazzār (292H), 1997 - al-Baḥr al-Zakhkhār bi Musnad al-Bazzār), No. 4448; (al-Rūyānī (307H), 1416H - Musnad al- Rūyānī), No. 56; (al-Shihāb al-Quḍāʿī (454H), 1986 - Musnad al-Shihāb), No. 752 & 755; (al-Tabarānī (360H), - al-Muʿjam al-Awṣaṭ), No. 4207 dan lain-lain.

Hadith 20: Pahala Haji Dan Umrah Bagi Orang Yang Melakukan Solat Fardu Dan Duha Di Masjid Setelah Bersuci Di Rumahnya

عَنْ أَبِي أُمَامَةَ ﷺ، أَنَّ رَسُولَ الله ﷺ قَالَ:

((مَنْ خَرَجَ مِنْ بَيْتِهِ مُتَطَهِّرًا إِلَى صَلَاةٍ مَكْتُوبَةٍ فَأَجْرُهُ كَأَجْرِ الْحَاجِّ الْمُحْرِمِ، وَمَنْ خَرَجَ إِلَى تَسْبِيحِ الضُّحَى لَا يَنْصِبُهُ إِلَّا إِيَّاهُ فَأَجْرُهُ كَأَجْرِ الْمُعْتَمِرِ، وَصَلَاةٌ عَلَى أَثَرِ صَلَاةٍ لَا لَغْوَ بَيْنَهُمَا كِتَابٌ فِي عِلِّيِّينَ))

Daripada Abu Umamah al-Bahili ؓ, beliau meriwayatkan bahawa sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda:

> "Barangsiapa yang keluar dari rumahnya dalam keadaan suci (berwudu') menuju (ke masjid) untuk melakukan solat fardu, maka pahalanya adalah seumpama pahala seorang yang melakukan haji dan berihram.
>
> Dan barangsiapa yang keluar untuk melakukan tasbih al-Duha (solat Duha) (di masjid) dan dia tidak berpenat melainkan untuknya maka pahalanya adalah seperti pahala seorang yang melakukan 'Umrah.
>
> Dan solat selepas solat, yang tidak ada perkara sia-sia (kata-kata keduniaan) di antara kedua-duanya adalah satu amalan yang tertulis di 'illiyyin (isyarat kepada ketinggian darjat dan penerimaan amalan tersebut)."

T: (Abū Dāwud (275H), 2010 - Sunan Abī Dāwud), No. 558 [Lafaz di atas]: Sanadnya sahih atau hasan; (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad), No. 21800; (al-Bayhaqī (458H), 2000 - al-Sunan al-Kubrā), No. 4523 & 4582; (al-Rūyānī (307H), 1416H - Musnad al- Rūyānī), No. 1204 dan lain-lain.

Sedikit keterangan:

Imam Ibn Hajar al-Haytami al-Makki menyatakan bahawa hadith ini menjadi hujah di sisi sebahagian para ulama’ yang menyatakan bahawa solat Duha lebih afdal dibuat di masjid dan ia merupakan pengecualian bagi hadith yang masyhur yang menyatakan bahawa solat sunat di rumah lebih afdal. Al-Mubarakfuri - di dalam ʿAwn al-Maʿbūd - pula menambah bahawa hadith ini menunjukkan kepada keharusan melakukannya di masjid atau bagi sesiapa yang tidak mempunyai rumah atau rumahnya sibuk dengan perkara lain kerana lafaz masjid tidak ada dalam lafaz hadith yang asal.

Mulla ‘Ali al-Qari menyatakan bahawa ‘Illiyyin adalah merupakan nama bagi senarai (*diwan*) kebaikan yang ditulis di dalamnya amalan-amalan orang-orang yang soleh (*al-abrar*).

Hadith 21: Berwuduk dengan Wuduk Yang Sempurna di Rumah dan Kemudian Pergi ke Masjid untuk Solat adalah Sebab Keampunan Dosa

عَنْ عُثْمَانَ بْنِ عَفَّانَ ﷺ، قَالَ:

رَأَيْتُ رَسُولَ اللهِ ﷺ تَوَضَّأَ فَأَحْسَنَ الْوُضُوءَ، ثُمَّ قَالَ: ((مَنْ تَوَضَّأَ هَكَذَا، ثُمَّ خَرَجَ إِلَى الْمَسْجِدِ، لَا يَنْهَزُهُ إِلَّا الصَّلَاةُ، غُفِرَ لَهُ مَا خَلَا مِنْ ذَنْبِهِ))

Daripada ʿUthman Bin ʿAffan ﷺ, beliau berkata:

"Aku pernah melihat Rasulullah berwuduk, dan Baginda ﷺ memperindahkan/ menyempurnakan wuduk Baginda ﷺ tersebut, kemudian Baginda ﷺ bersabda:

Barangsiapa yang berwuduk seperti ini (dengan sempurna), kemudian dia keluar menuju ke masjid, tidak ada yang menggerakkannya/ membangkitkannya untuk itu melainkan solat, maka diampunkan baginya apa yang telah lalu daripada dosa-dosanya."

T: (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 6433; (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmiʿ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 341, 345 [**Lafaz di atas**] & 346; (al-Nasāʿī (303H), 1986 - al-Sunan al-Sughrā / al-Mujtabā min al-Sunan), No. 856; (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad), No. 461 dan lain-lain. [Status: Sahih]

Hadith 22: Persinggahan/ Hidangan di Syurga Bagi Setiap Perjalanan ke Masjid Pada Waktu Pagi dan Petang

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ﷺ، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ:

((مَنْ غَدَا إِلَى الْمَسْجِدِ وَرَاحَ أَعَدَّ اللهُ لَهُ نُزُلَهُ مِنَ الْجَنَّةِ كُلَّمَا غَدَا أَوْ رَاحَ))

Daripada Abu Hurayrah ﷺ, beliau meriwayatkan bahawa Nabi ﷺ bersabda:

> "Barangsiapa yang pergi ke masjid pada waktu pagi dan petang, maka Allah ﷻ akan menyediakan baginya *nuzul*nya (tempat yang disediakan untuk singgahan atau hidangan yang disediakan buat tetamu yang datang) di syurga bagi setiap perjalanan pagi dan petangnya [ke masjid tersebut]."

T: (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 662 [Lafaz di atas]; (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmiʿ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 671; (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad), No. 10230; (Ibn Khuzaymah (311H), - Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah), No. 1414; (Ibn Ḥibbān (354H), 1993 - Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān), No. 2037 dan lain-lain. [Status: Sahih]

Hadith 23: Berjalan ke Masjid Menghapus Dosa dan Mengangkat Darjat; Menunggu Solat Selepas Solat di Masjid adalah Jihad

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ﷺ، أَنَّ رَسُولَ اللهِ ﷺ قَالَ :

((أَلَا أَدُلُّكُمْ عَلَى مَا يَمْحُو اللهُ بِهِ الْخَطَايَا، وَيَرْفَعُ بِهِ الدَّرَجَاتِ؟))، قَالُوا: بَلَى يَا رَسُولَ اللهِ، قَالَ: ((إِسْبَاغُ الْوُضُوءِ عَلَى الْمَكَارِهِ، وَكَثْرَةُ الْخُطَا إِلَى الْمَسَاجِدِ، وَانْتِظَارُ الصَّلَاةِ بَعْدَ الصَّلَاةِ، فَذٰلِكُمُ الرِّبَاطُ)) ، وفي رواية: ((فَذٰلِكُمُ الرِّبَاطُ، فَذٰلِكُمُ الرِّبَاطُ))

Daripada Abu Hurayrah ﷺ, beliau meriwayatkan bahawa sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda:

“Tidakkah kamu mahu agar aku menunjukkan kamu kepada sesuatu [amalan] yang mana Allah ﷻ menghapuskan dengannya dosa-dosa dan mengangkat dengannya darjat-darjat?.

Mereka (para Sahabat ﷺ) berkata: Bahkan, wahai Rasulullah.

Baginda ﷺ bersabda: “Menyempurnakan wuduk dalam keadaan yang tidak disukai/sukar, memperbanyakkan langkah ke masjid-masjid, dan menunggu solat [fardu] selepas mengerjakan solat [fardu], maka semua amalan itu adalah ikatan perjuangan.”

Dalam riwayat lain: Maka semua amalan itu adalah ikatan perjuangan, maka semua amalan itu adalah ikatan perjuangan.”

T: (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmiʿ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 253 [Lafaz di atas]; (al-Tirmidhī (279H), - al-Jāmiʿ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)), No. 51 dan beliau berkata: (وَحَدِيثُ أَبِي هُرَيْرَةَ فِي هَذَا الْبَابِ حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ); (al-Nasāʾī (303H), 1986 - al-Sunan al-Sughrā / al-Mujtabā min al-Sunan), No. 143; (Ibn Mājah (273H), 2010 - Sunan Ibn Mājah), No. 428 dan lain-lain. [Status: Sahih]

Dalam menghuraikan makna al-Ribat, Imam Al-Nawawi berkata:

وَقَوْلُهُ: (فَذَلِكُمْ الرِّبَاطُ) أَيْ الرِّبَاطُ الْمُرَغَّب فِيهِ، وَأَصْلُ الرِّبَاطِ الْحَبْسُ عَلَى الشَّيْءِ كَأَنَّهُ حَبَسَ نَفْسَهُ عَلَى هَذِهِ الطَّاعَةِ. قِيلَ: وَيَحْتَمِلُ أَنَّهُ أَفْضَلُ الرِّبَاطِ كَمَا قِيلَ الْجِهَادُ جِهَادُ النَّفْسِ، وَيَحْتَمِلُ أَنَّهُ الرِّبَاطُ الْمُتَيَسِّرُ الْمُمْكِنُ أَيْ أَنَّهُ مِنْ أَنْوَاعِ الرِّبَاطِ.

"Dan sabdaan Baginda ﷺ: (Maka semua amalan itu adalah ikatan perjuangan), iaitu [bermakna] ikatan perjuangan yang digalakkan melakukannya.

Dan makna asal al-Ribat ialah ikatan ke atas sesuatu, dan orang yang melakukan amalan ini adalah seumpama orang yang mengikat dirinya bagi melakukan ketaatan.

Qil: Dan barangkali ia adalah sebaik-baik al-Ribat sepertimana yang dikatakan/diriwayatkan bahawa Jihad yang sebenar adalah jihad melawan nafsu.

Dan barangkali ia adalah ribat yang mudah dan mampu dilakukan (oleh ramai orang) dan sesungguhnya ia adalah salah satu daripada jenis-jenis ribat (di jalan Allah)."

R: (al-Nawawi (676H), 1999 - al-Minhaj: Sharh sahih Muslim Ibn al-Hajjaj).

23.1: Perjalanan Yang Jauh Bagi Mengerjakan Solat Berjemaah Di Masjid Membesarkan Ganjaran Pahala

عَنْ أَبِي مُوسَى ﷺ، قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ :

((أَعْظَمُ النَّاسِ أَجْرًا فِي الصَّلَاةِ أَبْعَدُهُمْ فَأَبْعَدُهُمْ مَمْشًى، وَالَّذِي يَنْتَظِرُ الصَّلَاةَ حَتَّى يُصَلِّيَهَا مَعَ الْإِمَامِ أَعْظَمُ أَجْرًا مِنَ الَّذِي يُصَلِّي ثُمَّ يَنَامُ))

Daripada Abu Musa al-Ash'ari ﷺ, beliau berkata: Nabi ﷺ bersabda:

> "Orang yang paling besar ganjarannya dalam melakukan solat [di masjid], adalah orang yang paling jauh, kemudian yang paling jauh langkah kakinya/perjalanannya.
>
> Dan seseorang yang menunggu solat sehingga dia dapat bersolat bersama Imam [secara berjemaah] mendapat pahala yang lebih besar berbanding mereka yang bersolat [terlebih dahulu] dan kemudian tidur [selepas itu]."

T: (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 651 [Lafaz di atas]; (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmiʿ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 664 dan lain-lain. [Status: Sahih]

AMALAN-AMALAN DI MASJID

Hadith 24: Kebesaran Fadilat Melakukan Solat Berjemaah di Masjid dan Duduk di Tempat Solat Setelah Selesai Melakukan Solat

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ﷺ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ

((صَلَاةُ أَحَدِكُمْ فِي جَمَاعَةٍ تَزِيدُ عَلَى صَلَاتِهِ فِي سُوقِهِ، وَبَيْتِهِ، بِضْعًا وَعِشْرِينَ دَرَجَةً، وَذَلِكَ بِأَنَّهُ إِذَا تَوَضَّأَ فَأَحْسَنَ الْوُضُوءَ، ثُمَّ أَتَى الْمَسْجِدَ، لَا يُرِيدُ إِلَّا الصَّلَاةَ، لَا يَنْهَزُهُ إِلَّا الصَّلَاةُ، لَمْ يَخْطُ خَطْوَةً إِلَّا رُفِعَ بِهَا دَرَجَةً، أَوْ حُطَّتْ عَنْهُ بِهَا خَطِيئَةٌ، وَالْمَلَائِكَةُ تُصَلِّي عَلَى أَحَدِكُمْ مَا دَامَ فِي مُصَلَّاهُ الَّذِي يُصَلِّي فِيهِ: اَللَّهُمَّ صَلِّ عَلَيْهِ، اللَّهُمَّ ارْحَمْهُ، مَا لَمْ يُحْدِثْ فِيهِ مَا لَمْ يُؤْذِ فِيهِ))، وَقَالَ : ((أَحَدُكُمْ فِي صَلَاةٍ مَا كَانَتِ الصَّلَاةُ تَحْبِسُهُ))

Daripada Abu Hurayrah ﵁, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

> "Solat seseorang daripada kamu secara berjemaah adalah melebihi solatnya secara bersendirian di pasarnya atau rumahnya sebanyak dua puluh lebih darjat (di antara 23 dan 29). Dan itu adalah kerana apabila dia berwuduk, dan dia menyempurnakan wuduknya, kemudian dia datang ke masjid, tidak ada sebarang tujuan melainkan untuk bersolat, tidak ada yang menggerakkannya melainkan solat, maka tidaklah dia melangkah satu langkah melainkan dia diangkat satu darjat dengannya, atau digugurkan satu kesalahan/dosa daripadanya dengannya.
>
> Dan para malaikat itu sentiasa berselawat ke atas salah seorang daripada kamu (beristighfar untuknya) selagi mana dia masih berada di tempat solatnya di mana dia telah melakukan solat padanya [dengan berkata]:

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَيْهِ، اللّٰهُمَّ ارْحَمْهُ

Ya Allah, berselawatlah ke atasnya, Ya Allah, rahmatilah dia.

selama mana dia tidak berhadas (terbatal wuduknya), selama mana dia tidak menyakiti [orang lain atau malaikat] padanya." Dan Baginda ﷺ bersabda: "Seseorang daripada kamu itu dikira di dalam solat (bersolat) selama mana dia ditahan oleh solat (menunggu solat)."

T: (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 477, 647 & 2119 [Lafaz di atas]; (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmiʿ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 649; (Abū Dāwud (275H), 2010 - Sunan Abī Dāwud), No. 559;(Ibn Khuzaymah (311H), - Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah), No. 1408 dan lain-lain. [Status: Sahih]

24.1: Kemuliaan Orang Yang Mengerjakan Solat Berjemaah di Masjid, Menunggunya dan Duduk di dalam Masjid Selepasnya

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ﷺ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ :

((صَلَاةُ الرَّجُلِ فِي جَمَاعَةٍ، تَزِيدُ عَلَى صَلَاتِهِ فِي بَيْتِهِ، وَصَلَاتِهِ فِي سُوقِهِ، بِضْعًا وَعِشْرِينَ دَرَجَةً، وَذَلِكَ أَنَّ أَحَدَهُمْ إِذَا تَوَضَّأَ فَأَحْسَنَ الْوُضُوءَ، ثُمَّ أَتَى الْمَسْجِدَ، لَا يَنْهَزُهُ إِلَّا الصَّلَاةُ، لَا يُرِيدُ إِلَّا الصَّلَاةَ، فَلَمْ يَخْطُ خَطْوَةً، إِلَّا رُفِعَ لَهُ بِهَا دَرَجَةٌ، وَحُطَّ عَنْهُ بِهَا خَطِيئَةٌ، حَتَّى يَدْخُلَ الْمَسْجِدَ، فَإِذَا دَخَلَ الْمَسْجِدَ، كَانَ فِي الصَّلَاةِ، مَا كَانَتِ الصَّلَاةُ هِيَ تَحْبِسُهُ، وَالْمَلَائِكَةُ يُصَلُّونَ عَلَى أَحَدِكُمْ، مَا دَامَ فِي مَجْلِسِهِ الَّذِي صَلَّى فِيهِ، يَقُولُونَ: اَللّٰهُمَّ ارْحَمْهُ، اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لَهُ، اَللّٰهُمَّ تُبْ عَلَيْهِ، مَا لَمْ يُؤْذِ فِيهِ، مَا لَمْ يُحْدِثْ فِيهِ))

Daripada Abu Hurayrah ﷺ, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

"Solat seorang lelaki secara berjemaah adalah melebihi solatnya [secara bersendirian] di rumahnya, dan solatnya di pasarnya

sebanyak dua puluh lebih darjat (di antara 23 dan 29). Dan itu sesungguhnya adalah kerana apabila salah seorang daripada kamu berwuduk, dan menyempurnakan wuduknya. Kemudian dia datang ke masjid, tidak ada yang menggerakkannya melainkan solat, tidak ada sebarang keinginan yang lain melainkan solat, maka tidaklah dia melangkah satu langkah melainkan diangkat baginya dengan langkahnya itu satu darjat, dan dihapuskan baginya dengannya satu dosa/kesalahan, sehinggalah dia memasuki masjid.

Maka apabila dia memasuki masjid, dia dikira sedang bersolat, selama mana solatlah yang menahannya [daripada keluar dari masjid].

Dan para malaikat itu sentiasa berselawat ke atas salah seorang daripada kamu (beristighfar untuknya) selagi mana dia masih berada di tempat solatnya di mana dia telah melakukan solat padanya. Mereka berkata:

اَللّٰهُمَّ ارْحَمْهُ، اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لَهُ، اَللّٰهُمَّ تُبْ عَلَيْهِ

Ya Allah, rahmatilah dia. Ya Allah, ampunilah dia. Ya Allah, kurniakan taubat baginya.

selama mana dia tidak menyakiti [orang lain atau malaikat] padanya, selama mana dia tidak berhadas (terbatal wuduknya)."

T: ;(Ibn Khuzaymah (311H), - Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah), No. 1408 [Lafaz di atas]; (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 477, 647 & 2119; (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmiʿ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 649; (Abū Dāwud (275H), 2010 - Sunan Abī Dāwud), No. 559dan lain-lain. [Status: Sahih]

Hadith 25: Melazimi Jama’ah Umat Islam dan Masjid Menyelamatkan Seseorang daripada Tipu Daya Syaitan

عَنْ مُعَاذِ بْنِ جَبَلٍ ﷺ، أَنَّ نَبِيَّ اللهِ ﷺ قَالَ:

((إِنَّ الشَّيْطَانَ ذِئْبُ الْإِنْسَانِ كَذِئْبِ الْغَنَمِ يَأْخُذُ الشَّاةَ الْقَاصِيَةَ وَالنَّاحِيَةَ، فَإِيَّاكُمْ وَالشِّعَابَ، وَعَلَيْكُمْ بِالْجَمَاعَةِ، وَالْعَامَّةِ، وَالْمَسْجِدِ))

Daripada Muʿadh Bin Jabal ﷺ, beliau meriwayatkan bahawa sesungguhya Nabi ﷺ bersabda:

> “Sesungguhnya syaitan itu seumpama serigala bagi manusia seperti serigala bagi kambing. Ia hanya mengambil (memakan) kambing yang menyendiri jauh dan meminggir jauh dari kawanannya. Maka berhati-hatilah kamu semua daripada perpisahan/ perpecahan, dan hendaklah kamu semua sentiasa berjama’ah (bersatu di bawah pemimpin yang sah), bersama dengan masyarakat umum (Muslimin), dan (pergi ke) masjid.”

T: (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad), No.21523 [Lafaz di atas] & 21601; (al-Shashi (335H), - al-Musnad), No. 1387; (al-Būṣīrī (840H), 1998 - Itḥāf al-Khiyarah al-Maharah bi Zawāʾid al-Masānīd al-ʿAsharah), No. 5697 & 5698; (al-Haythami (807H), - Bughyat al-Bahith 'an Zawa'id Musnad al-Harith), No. 605; (al-Tabarānī (360H), - al-Muʿjam al-Kabīr), No. 344 & 345 dan lain-lain.

*(al-Haythamī (807H), 1994 - Majmaʿ al-Zawāʾid wa Manbaʿ al-Fawāʾid), No. 2033, Jilid 2/10, p.23 dan beliau berkata: (رَوَاهُ أَحْمَدُ، وَالْعَلَاءُ بْنُ زِيَادٍ لَمْ يَسْمَعْ مِنْ مُعَاذٍ).

25.1: Solat Berjemaah di Masjid adalah daripada Sunnah-sunnah Petunjuk (*Sunan al-Hudā*) Yang Memelihara Seseorang Daripada Kesesatan (a)

عَنْ أَبِي الأَحْوَصِ، قَالَ: قَالَ عَبْدُ اللهِ ﷺ:

لَقَدْ رَأَيْتُنَا وَمَا يَتَخَلَّفُ عَنِ الصَّلَاةِ، إِلَّا مُنَافِقٌ قَدْ عُلِمَ نِفَاقُهُ، أَوْ مَرِيضٌ، إِنْ كَانَ الْمَرِيضُ لَيَمْشِي بَيْنَ رَجُلَيْنِ، حَتَّى يأْتِيَ الصَّلَاةَ، وَقَالَ: إِنَّ رَسُولَ اللهِ ﷺ عَلَّمَنَا سُنَنَ الْهُدَى، وَإِنَّ مِنْ سُنَنِ الْهُدَى الصَّلَاةَ فِي الْمَسْجِدِ الَّذِي يُؤَذَّنُ فِيهِ

Daripada Abu al-Ahwas, beliau berkata: 'Abdullah Bin Masʿud ﷺ berkata:

"Sesungguhnya aku telah melihat (masih teringat) kami (para sahabat ﷺ), tidak ada yang meninggalkan solat (berjemaah) melainkan seorang munafiq yang diketahui kemunafiqannya, atau seorang yang sakit. Bahkan, seorang yang sakit ada yang sanggup berjalan dengan dipapah dua orang lelaki sehingga dia datang bersolat (berjemaah).

Dan beliau (Ibn Masʿud ﷺ) berkata: Sesungguhnya Rasulullah ﷺ telah mengajarkan kami Sunnah-sunnah Petunjuk (*sunan al-hudā*), dan sesungguhnya di antara Sunnah-sunnah Petunjuk tersebut adalah bersolat di masjid yang dilaungkan azan padanya."

T: (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmiʿ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 1051 [**Lafaz di atas**]; (Ibn Ḥibbān (354H), 1993 - Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān), No. 2100; (Abu 'Awanah (316H), 1998 - Mustakhraj Abi 'Awanah), No. 1263; (Abu Nu'aym al-Asbahani (430H), 1996M/1417H - al-Musnad al-Mustakhraj 'ala Sahih Muslim), No. 1461 dan lain-lain.[Status: Sahih]

25.2: Solat Berjemaah Di Masjid adalah Sunnah Petunjuk (b)

عَنْ أَبِي الْأَحْوَصِ، عَنْ عَبْدِ اللهِ ﷺ، قَالَ:

((مَنْ سَرَّهُ، أَنْ يَلْقَى اللهَ غَدًا مُسْلِمًا، فَلْيُحَافِظْ عَلَى هَؤُلَاءِ الصَّلَوَاتِ، حَيْثُ يُنَادَى بِهِنَّ، فَإِنَّ اللهَ شَرَعَ لِنَبِيِّكُمْ ﷺ سُنَنَ الْهُدَى، وَإِنَّهُنَّ مِنْ سُنَنِ الْهُدَى، وَلَوْ أَنَّكُمْ صَلَّيْتُمْ فِي بُيُوتِكُمْ، كَمَا يُصَلِّي هَذَا الْمُتَخَلِّفُ فِي بَيْتِهِ، لَتَرَكْتُمْ سُنَّةَ نَبِيِّكُمْ، وَلَوْ تَرَكْتُمْ سُنَّةَ نَبِيِّكُمْ، لَضَلَلْتُمْ، وَمَا مِنْ رَجُلٍ يَتَطَهَّرُ فَيُحْسِنُ الطُّهُورَ، ثُمَّ يَعْمِدُ إِلَى مَسْجِدٍ مِنْ هَذِهِ الْمَسَاجِدِ، إِلَّا كَتَبَ اللهُ لَهُ بِكُلِّ خَطْوَةٍ يَخْطُوهَا حَسَنَةً، وَيَرْفَعُهُ بِهَا دَرَجَةً، وَيَحُطُّ عَنْهُ بِهَا سَيِّئَةً، وَلَقَدْ رَأَيْتُنَا وَمَا يَتَخَلَّفُ عَنْهَا، إِلَّا مُنَافِقٌ مَعْلُومُ النِّفَاقِ، وَلَقَدْ كَانَ الرَّجُلُ يُؤْتَى بِهِ، يُهَادَى بَيْنَ الرَّجُلَيْنِ، حَتَّى يُقَامَ فِي الصَّفِّ))

Daripada Abu al-Ahwas, beliau meriwayatkan bahawa ‘Abdullah Bin Mas’ud ؓ berkata:

> “Barangsiapa yang suka untuk bertemu dengan Allah kelak sebagai seorang Muslim (yang sempurna), maka hendaklah dia memelihara solat-solat [fardu] ini, di mana ia (azannya) dilaungkan. Sesungguhnya Allah ﷻ telah menshariatkan bagi Nabi kamu ﷺ sunnah-sunnah petunjuk, dan sesungguhnya ia (solat fardu berjemaah di tempat azan dilaungkan/masjid) adalah daripada sunnah-sunnah petunjuk.
>
> Dan sekiranya kamu melakukan [solat fardu] kamu di rumah kamu, seperti mana dilakukan oleh *mutakhallif* ini (orang yang tidak bersolat fardu secara berjemaah di masjid) di rumahnya, maka kamu telah meninggalkan sunnah Nabi kamu ﷺ, dan

sekiranya kamu meninggalkan sunnah (petunjuk) Nabi kamu ﷺ ini, pasti kamu akan jatuh sesat.

Dan tidak ada seorang lelaki pun yang bersuci/berwuduk, lalu dia memperelokkan wudu'nya itu, kemudian dia pergi ke sebuah masjid daripada masjid-masjid ini, melainkan Allah ﷻ akan mencatat bagi setiap langkah yang dilakukannya itu satu kebaikan, dan Dia mengangkatnya dengannya satu darjat, dan Dia menggugurkan baginya dengannya satu kesalahan/dosa.

Dan sesungguhnya aku pernah melihat (masih teringat) kami (para sahabat ﷺ), tidak ada yang meninggalkan solat (berjemaah di masjid) melainkan seorang munafiq yang diketahui kemunafiqannya. Dan sesungguhnya ada lelaki di kalangan kami yang didatangkan untuk melakukannya dengan dipapah oleh dua orang lelaki lain, sehinggalah dia [bersama kami] berdiri di dalam saf [solat berjemaah di masjid]."

T: (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmiʿ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 1052 [**Lafaz di atas**]; (Abū Dāwud (275H), 2010 - Sunan Abī Dāwud), No. 462; (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad), No. 3849 & 4205 dan lain-lain. [Status: Sahih].

Hadith 26: Duduk Di Dalam Masjid Menunggu Solat Mendapat Pahala Bersolat

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ﷺ، أَنَّ رَسُولَ اللهِ ﷺ قَالَ:

((الْمَلَائِكَةُ تُصَلِّي عَلَى أَحَدِكُمْ مَا دَامَ فِي مُصَلَّاهُ مَا لَمْ يُحْدِثْ: اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لَهُ، اَللّٰهُمَّ ارْحَمْهُ، لَا يَزَالُ أَحَدُكُمْ فِي صَلَاةٍ مَا دَامَتِ الصَّلَاةُ تَحْبِسُهُ، لَا يَمْنَعُهُ أَنْ يَنْقَلِبَ إِلَى أَهْلِهِ إِلَّا الصَّلَاةُ))

Daripada Abu Hurayrah ﷺ, beliau meriwayatkan bahawa sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda:

> "Para malaikat itu sentiasa berselawat (mendoakan keampunan) bagi seseorang daripada kamu, selama mana dia masih berada di tempat dia melakukan solat, selama mana dia belum berhadas (dalam keadaan berwudu'). [Mereka berkata]:
>
> اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لَهُ، اَللّٰهُمَّ ارْحَمْهُ
>
> *Ya Allah, ampunilah dia. Ya Allah, rahmatilah dia.*
>
> Dan seseorang daripada kamu itu [dikira] masih berada di dalam solat selama mana solat jualah yang menghalangnya. Iaitu: tidak ada yang menghalangnya untuk pulang kepada ahli keluarganya [dari masjid] melainkan solat."

T: (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 176 & 659 [Lafaz di atas]; (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmiʿ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 662 & 663 dan lain-lain. [Status: Sahih].

26.1: Menunggu Solat Di Dalam Masjid Dalam Keadaan Berwuduk Dikira Sebagai Bersolat

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ﷺ، قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ:

((لَا يَزَالُ الْعَبْدُ فِي صَلَاةٍ مَا كَانَ فِي الْمَسْجِدِ يَنْتَظِرُ الصَّلَاةَ، مَا لَمْ يُحْدِثْ))

Daripada Abu Hurayrah ﷺ, beliau berkata: Nabi ﷺ bersabda:

> "Seorang hamba sentiasa [dikira] berada dalam solat selama mana dia berada di dalam masjid bagi menunggu solat, dan selama mana dia belum berhadas [dalam keadaan berwudu']."

T: (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 176 [Lafaz di atas]; (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmiʿ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 663; (Abū Dāwud (275H), 2010 - Sunan Abī Dāwud), No. 470 dan lain-lain. [Status: Sahih]

26.2: Menunggu Solat Di Dalam Masjid Dikira Sebagai Bersolat

عَنْ سَهْلِ السَّاعِدِيِّ ﷺ، قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ ﷺ يَقُولُ:

((مَنْ كَانَ فِي الْمَسْجِدِ يَنْتَظِرُ الصَّلَاةَ فَهُوَ فِي الصَّلَاةِ))

Daripada Sahl Bin Sa'd al-Sa'idi ﷺ, beliau berkata: Aku telah mendengar Rasulullah ﷺ bersabda:

> "Barangsiapa yang berada di dalam masjid bagi menunggu solat (dikerjakan), maka dia berada di dalam solat (dikira sebagai sedang bersolat)."

T: (al-Nasāʾī (303H), 1986 - al-Sunan al-Sughrā / al-Mujtabā min al-Sunan), No. 734 [**Lafaz di atas**]: Sanadnya baik; (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad), No. 22304; (Ibn Ḥibbān (354H), 1993 - Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān), No. 1751 & 1752; (Abū Yaʿlā al-Mawṣilī (307H), 1992 - Musnad Abī Yaʿlā

al-Mawṣilī), No. 7546 & 7550; (al-Rūyānī (307H), 1416H - Musnad al-Rūyānī), No. 1114 dan lain-lain. [Status: Sahih li ghayrih].

Hadith 27: Allah ﷻ Meredhai Dan Kasih Kepada Seorang Muslim Yang Datang Bersolat Dan Berzikir Di Masjid-Masjid

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ﵁، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ:

((مَا تَوَطَّنَ رَجُلٌ مُسْلِمٌ الْمَسَاجِدَ لِلصَّلَاةِ وَالذِّكْرِ، إِلَّا تَبَشْبَشَ اللهُ لَهُ كَمَا يَتَبَشْبَشُ أَهْلُ الْغَائِبِ بِغَائِبِهِمْ إِذَا قَدِمَ عَلَيْهِمْ))

Daripada Abu Hurayrah ﵁, beliau meriwayatkan bahawa Nabi ﷺ bersabda:

> "Tidaklah seorang lelaki Muslim itu mengambil tempatnya di masjid-masjid untuk bersolat dan berzikir, melainkan Allah ﷻ bergembira (redha dan kasih) dengannya sepertimana ahli keluarga orang yang hilang/bermusafir bergembira dengan kepulangannya kepada mereka."

T: (Ibn Mājah (273H), 2010 - Sunan Ibn Mājah), No. 800 [**Lafaz di atas**]: Sanadnya baik; (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad), No. 8150 & 9531; (Ibn Khuzaymah (311H), - Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah), No. 1421; (Ibn Ḥibbān (354H), 1993 - Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān), No. 1607 & 2278 dan lain-lain.[Status: Sahih li ghayrih]

27.1: I’tikaf Di Dalam Masjid, Khususnya Di Dalam Bulan Ramadan

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ﷺ، قَالَ:

كَانَ النَّبِيُّ ﷺ يَعْتَكِفُ فِي كُلِّ رَمَضَانٍ عَشْرَةَ أَيَّامٍ، فَلَمَّا كَانَ الْعَامُ الَّذِي قُبِضَ فِيهِ، اعْتَكَفَ عِشْرِينَ يَوْمًا

Daripada Abu Hurayrah ﷺ, beliau berkata:

> “Nabi ﷺ melakukan i’tikaf [di dalam Masjid Nabawi] pada setiap bulan Ramadan selama sepuluh (10) hari.
>
> Dan apabila tiba tahun di mana Baginda ﷺ wafat padanya, Baginda ﷺ telah beri’tikaf selama dua puluh (20) hari [di dalamnya].”
>
> T: (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 2044 [Lafaz di atas]; (al-Tirmidhī (279H), - al-Jāmiʿ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)), No. 790 dan beliau berkata: (حَدِيثُ أَبِي هُرَيْرَةَ، وَعَائِشَةَ حَدِيثٌ حَسَنٌ صَحِيحٌ); (Abū Dāwud (275H), 2010 - Sunan Abī Dāwud), No. 2466; (Ibn Mājah (273H), 2010 - Sunan Ibn Mājah), No. 1769 dan lain-lain. [Status: Sahih]

Amalan beri’tikaf yang dilakukan oleh Rasulullah ﷺ adalah merupakan sebahagian dalil bagi para ulama’ Sufi untuk melakukan ‘*uzlah* atau *khalwah kamilah*. Di dalam amalan *khalwah kamilah,* seseorang itu menumpukan sepenuh perhatiannya kepada ibadah dan bermujahadah mendidik nafsunya dan memperbaikkan dirinya zahir dan batin dengan bimbingan para mashayikh Sufi. Masih banyak masjid-masjid di dunia Islam yang menyediakan amalan *khalwah kamilah* padanya. Sebahagian ulama’ Sufi pula memimpin amalan *khalwah kamilah* ini di institusi masing-masing yang dikenali sebagai *khanqah*, *khaniqah, zawiyah, ribat* dan lain-lain.

Hadith 28: Empat (4) Fadilat Besar Bagi Perkumpulan Membaca Al-Qur'an Di Masjid-Masjid

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ﷺ، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ:

((مَا اجْتَمَعَ قَوْمٌ فِي بَيْتٍ مِنْ بُيُوتِ اللهِ تَعَالَى يَتْلُونَ كِتَابَ اللهِ وَيَتَدَارَسُونَهُ بَيْنَهُمْ إِلَّا نَزَلَتْ عَلَيْهِمُ السَّكِينَةُ، وَغَشِيَتْهُمُ الرَّحْمَةُ، وَحَفَّتْهُمُ الْمَلَائِكَةُ، وَذَكَرَهُمُ اللهُ فِيمَنْ عِنْدَهُ))

Daripada Abu Hurayrah ﷺ, beliau meriwayatkan bahawa Nabi ﷺ bersabda:

"Tidaklah berhimpun satu kaum/kumpulan manusia di dalam sebuah rumah daripada rumah-rumah Allah (masjid) dalam keadaan mereka membaca kitab Allah dan saling bertadarus dengannya melainkan:

(i) *sakinah* (keteguhan iman bersama ketenangan) akan turun ke atas mereka (bagi menambah/mengukuhkan keimanan mereka),

(ii) rahmat (Allah) akan meliputi mereka,

(iii) para malaikat akan mengerumuni mereka, dan

(iv) Allah akan menyebut (nama) mereka kepada sesiapa (para malaikat) di sisiNya (lalu mereka akan memohon keampunan untuk nama-nama yang disebutkan)."

T: (Abū Dāwud (275H), 2010 - Sunan Abī Dāwud), No. 1455 [Lafaz di atas]: Sanadnya sahih; (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad), No. 9021; (Ibn Ḥibbān (354H), 1993 - Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān), No. 768; (al-Tabarānī (360H), - al-Muʿjam al-Awṣaṭ), No. 3780 dan lain-lain.

Hadith ini adalah merupakan dalil yang sangat jelas bagi penshariatan pembacaan al-Qur’an di masjid-masjid secara beramai-ramai seperti yang diamalkan oleh masyarakat kita bagi majlis bacaan Yasin pada malam Jumaat. Dan pada waktu ini, amalan membaca al-Qur’an secara berjemaah mula bertambah bagi surah-surah yang lain seperti Surah al-Mulk dan Surah al-Kahfi di sebahagian masjid dan surau – Alhamdulillah.

Hadith 29: Majlis Zikrullah Di Masjid-Masjid Adalah Majlis Orang-Orang Yang Mempunyai Kemuliaan Di Sisi Allah ﷻ

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ ﷺ، عَنْ رَسُولِ اللهِ ﷺ قَالَ:

((يَقُولُ اللهُ جَلَّ وَعَلَا: سَيَعْلَمُ أَهْلُ الْجَمْعِ الْيَوْمَ مَنْ أَهْلُ الْكَرَمِ))، فَقِيلَ: مَنْ أَهْلُ الْكَرَمِ يَا رَسُولَ اللهِ؟ قَالَ: ((أَهْلُ مَجَالِسِ الذِّكْرِ فِي الْمَسَاجِدِ))

Daripada Abū Saʿīd (al-Khudri) ﷺ, beliau meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

> "Allah (*jalla wa ʿalā*) berfirman (hadith qudsi): Orang-orang di dalam perhimpunan pada hari (Akhirat) ini akan mengetahui siapakah mereka orang-orang yang mempunyai kemuliaan (di sisiKu).
>
> Maka (Rasulullah ﷺ) ditanya: Siapakah ahli (pemilik) kemuliaan itu, wahai Rasulullah?.
>
> Baginda menjawab: Ahli majlis-majlis zikir di masjid-masjid (ketika di dunia)."
>
> T: (Ibn Ḥibbān (354H), 1993 - Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān), No.816 [Lafaz di atas]; (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad), No.27309 & 27322; (Abū Yaʿlā al-Mawṣilī (307H), 1992 - Musnad Abī Yaʿlā al-Mawṣilī), No. 1046&1403; (al-Bayhaqī (458H), - Shuʿab al-Imān), No. 535 dan lain-lain.

Istilah "Majlis Zikir" adalah istilah yang datang dari Rasulullah ﷺ sendiri di dalam banyak hadith Baginda ﷺ. Ia bukanlah istilah yang diciptakan atau dimulakan oleh para ulama' semata-mata. Hakikat ini menunjukkan kepentingan dan kemuliaan Majlis Zikir di dalam Islam. Hadith ini juga menunjukkan kaitan masjid dengan Majlis Zikir.

Istilah “Majlis Zikir” boleh merujuk kepada empat majlis iaitu:

(i) Majlis zikir (dengan makna yang khusus), di mana tasbih, tahmid, tahlil, takbir, selawat dan istighfar serta sebahagian al-Qur’an dibaca beramai-ramai,

(ii) Majlis pembacaan al-Qur’an beramai-ramai atau sebahagiannya membaca al-Qur’an dan sebahagian pula mendengarnya,

(iii) Majlis ilmu, di mana ilmu-ilmu agama khususnya diajarkan, dan

(iv) Masjlis dakwah atau tazkirah, di mana seseorang memberi nasihat dan peringatan kepada para hadirin tentang ketaqwaan kepada Allah, kepentingan Sunnah Rasulullah ﷺ, seruan kepada akhlak-akhlak yang baik serta menyintai akhirat dan membuat persiapan baginya.

Namun begitu, istilah majlis zikir pada kebiasaannya digunakan untuk merujuk kepada majlis zikir dengan makna yang khusus. Terdapat empat majlis zikir yang tersebar dan diamalkan secara meluas di kalangan masyarakat Islam di Malaysia, khususnya di masjid dan surau iaitu:

(i) Zikir berjemaah selepas solat fardu,

(ii) Majlis Tahlil,

(iii) Majlis bacaan Yasin, khususnya pada malam Jumaat di antara Maghrib dan Isyak, di masjid dan surau,

(iv) Majlis Mawlid Nabi ﷺ.

“Segala pujian hanyalah bagi Allah”

Hadith 30: Fadilah Pergi Ke Masjid Bagi Mempelajari Ilmu Atau Membaca Al-Qur’an

عَنْ عُقْبَةَ بْنِ عَامِرٍ ﷺ، قَالَ:

خَرَجَ رَسُولُ اللهِ ﷺ وَنَحْنُ فِي الصُّفَّةِ، فَقَالَ: ((أَيُّكُمْ يُحِبُّ أَنْ يَغْدُوَ كُلَّ يَوْمٍ إِلَى بُطْحَانَ، أَوْ إِلَى الْعَقِيقِ فَيَأْتِيَ مِنْهُ بِنَاقَتَيْنِ كَوْمَاوَيْنِ، فِي غَيْرِ إِثْمٍ، وَلَا قَطْعِ رَحِمٍ؟))، فَقُلْنَا: يَا رَسُولَ اللهِ، نُحِبُّ ذَلِكَ، قَالَ: ((أَفَلَا يَغْدُو أَحَدُكُمْ إِلَى الْمَسْجِدِ فَيَعْلَمُ، أَوْ يَقْرَأُ آيَتَيْنِ مِنْ كِتَابِ اللهِ ﷻ خَيْرٌ لَهُ مِنْ نَاقَتَيْنِ، وَثَلَاثٌ خَيْرٌ لَهُ مِنْ ثَلَاثٍ، وَأَرْبَعٌ خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَرْبَعٍ، وَمِنْ أَعْدَادِهِنَّ مِنَ الإِبِلِ؟))

Daripada ‘Uqbah Ibn ‘Amir ﷺ, beliau berkata:

> “Rasulullah ﷺ telah keluar [datang kepada kami] sedangkan kami berada di Suffah. Lalu Baginda ﷺ bersabda: Siapakah di antara kalian yang suka untuk keluar pada awal pagi setiap hari ke Buthan, atau ke ‘Aqiq[2], kemudian dia pulang daripadanya dengan dua ekor unta betina yang besar, tanpa melakukan sebarang dosa atau memutuskan silaturahim?.
>
> Kami berkata: Wahai Rasulullah, kami suka untuk melakukannya.
>
> Baginda ﷺ pun bersabda: Maka, mengapakah tidak salah seorang seorang daripada kamu keluar pada awal pagi ke **masjid**, lalu dia mengetahui (mempelajari) atau membaca dua ayat Al-Qur’an daripada Kitab Allah, kerana ia lebih baik baginya daripada dua

[2] Buthan dan ‘Aqiq adalah dua tempat yang berdekatan dengan Madinah di zaman Rasulullah ﷺ.

ekor unta betina yang besar, dan tiga ayat daripadanya adalah lebih baik dari tiga ekor unta betina yang besar, dan empat ayat daripadanya adalah lebih baik dari empat ekor unta betina yang besar, dan seterusnya dengan bilangan-bilangannya daripada unta-unta tersebut?."

T: (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmiʿ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 806 [Lafaz di atas]; (Abū Dāwud (275H), 2010 - Sunan Abī Dāwud), No. 1456; (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad), No. 16955; (Ibn Ḥibbān (354H), 1993 - Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān), No. 115 dan lain-lain. [Status: Sahih].

Hadith 31: Keharusan Melantunkan Syair Dan Qasidah Memuji Rasulullah ﷺ Atau Seumpamanya Di Dalam Masjid

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ﷺ:

أَنَّ عُمَرَ (ﷺ) مَرَّ بِحَسَّانَ (ﷺ) وَهُوَ يُنْشِدُ الشِّعْرَ فِي الْمَسْجِدِ فَلَحَظَ إِلَيْهِ، فَقَالَ: قَدْ كُنْتُ أُنْشِدُ وَفِيهِ مَنْ هُوَ خَيْرٌ مِنْكَ، ثُمَّ الْتَفَتَ إِلَى أَبِي هُرَيْرَةَ (ﷺ)، فَقَالَ: أَنْشُدُكَ اللهَ أَسَمِعْتَ رَسُولَ اللهِ ﷺ يَقُولُ: ((أَجِبْ عَنِّي، اَللّٰهُمَّ أَيِّدْهُ بِرُوحِ الْقُدُسِ))، قَالَ: اَللّٰهُمَّ نَعَمْ.

Daripada Abu Hurayrah ﷺ, beliau meriwayatkan bahawa:

> "Sesungguhnya Umar (al-Khattab) ﷺ lalu berdekatan dengan Hassan (Ibn Thabit) ﷺ ketika beliau sedang melantunkan syair (membaca syair dengan suara yang tinggi) di dalam Masjid (Nabawi), lalu beliau (Umar ﷺ) memandang kepadanya.
>
> Maka beliau (Hassan ﷺ) pun berkata: Sesungguhnya aku pernah melantunkan/ membaca (syair) dengan suara yang tinggi ketika di dalamnya (masjid ini) ada seseorang yang lebih baik dari kamu (iaitu di hadapan Rasulullah ﷺ).
>
> Kemudian, beliau pun berpaling kepada Abu Hurayrah ﷺ, dan berkata: Aku memanggilmu dengan (kemuliaan) Allah, adakah engkau pernah mendengar Rasulullah ﷺ bersabda (kepadaku): Jawablah bagi pihakku [terhadap kaum Mushrikin]. Ya Allah! Bantulah dia dengan Ruh al-Qudus (Jibril ﷺ).
>
> Beliau (Abu Hurayrah ﷺ) pun menjawab: Ya Allah! Benar."

T: (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 453, 3212 & 6152; (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmiʿ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 2487

[Lafaz di atas]: Kitab Fada'il al-Sahabah/ Bab Fada'il Hassan Ibn Thabit ﷺ dan lain-lain. [Status: Sahih]

Ketika mensyarahkan hadith ini, Imam al-Nawawi (w.676H) berkata:

فِيهِ جَوَازُ إِنْشَادِ الشِّعْرِ فِي الْمَسْجِدِ إِذَا كَانَ مُبَاحًا وَاسْتِحْبَابُهُ إِذَا كَانَ فِي مَمَادِحِ الْإِسْلَامِ وَأَهْلِهِ أَوْ فِي هِجَاءِ الْكُفَّارِ وَالتَّحْرِيضِ عَلَى قِتَالِهِمْ أَوْ تَحْقِيرِهِمْ وَنَحْوِ ذَلِكَ وَهَكَذَا كَانَ شِعْرُ حَسَّانَ وَفِيهِ اسْتِحْبَابُ الدُّعَاءِ لِمَنْ قَالَ شِعْرًا مِنْ هَذَا النَّوْعِ

"Padanya [dalil] keharusan melantunkan syair di dalam masjid apabila syair itu berkaitan sesuatu yang harus; dan [dalil] ia disunatkan apabila syair itu berkaitan dengan puji-pujian kepada Islam dan ahlinya, atau jika ia untuk menjatuhkan kafir (harbi) dan mendorong bagi memerangi mereka atau menghina mereka (kafir harbi) dan seumpamanya, dan begitulah bentuk syair [Saidina] Hassan ﷺ dan padanya juga [dalil] sunat mendoakan bagi sesiapa yang melantunkan syair dari jenis (yang baik) ini.."

T: (al-Nawawi (676H), 1999 - al-Minhaj: Sharh sahih Muslim Ibn al-Hajjaj).

31.1 Larangan Melantunkan Syair Jahiliyyah Dan Kebatilan Di Dalam Masjid

عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عَمْرٍو رضي الله عنهما، عَنْ رَسُولِ اللهِ ﷺ أَنَّهُ:

نَهَى عَنْ تَنَاشُدِ الْأَشْعَارِ فِي الْمَسْجِدِ، وَعَنِ الْبَيْعِ وَالِاشْتِرَاءِ فِيهِ، وَأَنْ يَتَحَلَّقَ النَّاسُ فِيهِ يَوْمَ الْجُمُعَةِ قَبْلَ الصَّلَاةِ

Daripada 'Abdullah Bin 'Amr رضي الله عنهما, beliau meriwayatkan bahawa sesungguhnya:

"Baginda Rasulullah ﷺ melarang daripada dilantunkan syair-syair di dalam masjid; dan daripada jualan dan belian dilakukan di

dalamnya; dan daripada perbuatan orang ramai yang duduk dalam kumpulan-kumpulan yang banyak di dalamnya pada hari Jumaat sebelum solat [Jumaat].”

T: (al-Tirmidhī (279H), - al-Jāmiʿ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)), No. 322 [Lafaz di atas] dan beliau berkata: (حَدِيثُ عَبْدِ اللهِ بْنِ عَمْرِو بْنِ الْعَاصِ حَدِيثٌ حَسَنٌ);

(al-Nasāʿī (303H), 1986 - al-Sunan al-Sughrā / al-Mujtabā min al-Sunan), No. 715; (Ibn Mājah (273H), 2010 - Sunan Ibn Mājah), No. 749 dan lain-lain. [Status: Hasan].

Hadith ini seolah-seolah bertentangan pada zahirya dengan hadith sebelum ini yang membenarkan syair dilantunkan di dalam masjid. Kaedah pengharmonian di antara makna kedua-dua hadith ini telah disebut oleh Al-Imam al-Hafiz Ibn Hajar al-‘Asqalani di dalam “Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari”, di mana beliau berkata:

فَالْجَمْعُ بَيْنَهَا وَبَيْنَ حَدِيثِ الْبَابِ أَنْ يُحْمَلَ النَّهْيُ عَلَى تَنَاشُدِ أَشْعَارِ الْجَاهِلِيَّةِ وَالْمُبْطِلِينَ وَالْمَأْذُونُ فِيهِ مَا سَلِمَ مِنْ ذَلِكَ

“Dan kaedah untuk menghimpunkan di antara hadith ini dan hadith yang menjadi asas dalam bab ini ialah:

Larangan yang disebutkan [di dalam hadith ini] diletakkan pada lantunan syair-syair jahiliyyah dan golongan yang batil.

Dan [lantunan syair] yang dibenarkan ialah syair-syair yang bebas/sejahtera daripada elemen-elemen (jahiliyyah dan kebatilan) tersebut.”

R: (Ibn Ḥajar al-ʿAsqalānī (852H), 1960 - Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari), Jilid 1/13, p.527.

ADAB-ADAB MASJID

Hadith 32: Doa Masuk Dan Keluar Masjid (a)

عَنْ أَبِي حُمَيْدٍ ﷺ، أَوْ عَنْ أَبِي أُسَيْدٍ ﷺ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ:

((إِذَا دَخَلَ أَحَدُكُمُ الْمَسْجِدَ، فَلْيَقُلْ: اَللّٰهُمَّ افْتَحْ لِي أَبْوَابَ رَحْمَتِكَ، وَإِذَا خَرَجَ، فَلْيَقُلْ: اَللّٰهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ مِنْ فَضْلِكَ))

Daripada Abu Humayd ﷺ atau Abu Usayd ﷺ, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

"Apabila salah seorang daripada kamu masuk ke masjid, maka hendaklah dia mengucapkan:

اَللّٰهُمَّ افْتَحْ لِي أَبْوَابَ رَحْمَتِكَ

Ya Allah, bukakanlah bagiku pintu-pintu rahmatMu,

Dan apabila dia keluar [daripada masjid], maka hendaklah dia mengucapkan:

اَللّٰهُمَّ إِنِّي أَسْأَلُكَ مِنْ فَضْلِكَ

Ya Allah, sesungguhnya aku memohon daripadaMu kurniaan-kurniaan [milik]Mu."

T: (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmiʿ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 715 [Lafaz di atas]; (Abū Dāwud (275H), 2010 - Sunan Abī Dāwud), No. 465; (al-Nasāʾī (303H), 1986 - al-Sunan al-Sughrā / al-Mujtabā min al-Sunan), No. 729; (Ibn Mājah (273H), 2010 - Sunan Ibn Mājah), No. 772 dan lain-lain.

32.1: Doa Masuk Masjid (b)

عَنْ حَيْوَةَ بْنِ شُرَيْحٍ، قَالَ: لَقِيتُ عُقْبَةَ بْنَ مُسْلِمٍ، فَقُلْتُ لَهُ: بَلَغَنِي أَنَّكَ حَدَّثْتَ عَنْ عَبْدِ اللهِ بْنِ عَمْرِو بْنِ الْعَاصِ ﷺ، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ:

أَنَّهُ كَانَ إِذَا دَخَلَ الْمَسْجِدَ، قَالَ: ((أَعُوذُ بِاللهِ الْعَظِيمِ وَبِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ وَسُلْطَانِهِ الْقَدِيمِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ))، قَالَ: أَقَطُّ؟ قُلْتُ: نَعَمْ، قَالَ: فَإِذَا قَالَ ذَلِكَ، قَالَ الشَّيْطَانُ: حُفِظَ مِنِّي سَائِرَ الْيَوْمِ.

Daripada Haywah Bin Shurayh, beliau berkata: Aku telah bertemu dengan ‘Uqbah Bin Muslim, dan aku berkata kepadanya: Telah sampai berita kepadaku bahawa engkau meriwayatkan daripada ‘Abdullah Bin ‘Amr Bin al-‘As ﷺ, beliau meriwayatkan tentang Nabi ﷺ bahawa:

“Apabila Baginda ﷺ masuk ke masjid, Baginda ﷺ bersabda:

أَعُوذُ بِاللهِ الْعَظِيمِ وَبِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ وَسُلْطَانِهِ الْقَدِيمِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

Aku berlindung dengan Allah Yang Maha Agung, dan dengan ZatNya yang Maha Mulia, serta KekuasaanNya yang Maha Terdahulu/Sedia Ada, daripada syaitan yang direjam.

Beliau (‘Uqbah Bin Salim) berkata: Adakah itu sahaja [yang kamu dengar]?. Aku (Haywah Bin Shurayh) berkata: Ya. Beliau berkata: Apabila seseorang itu berkata sedemikian, maka syaitan akan berkata: Dia telah dipelihari daripadaku pada seluruh hari ini.”

T: (Abū Dāwud (275H), 2010 - Sunan Abī Dāwud), No. 466 [Lafaz di atas]: Sanadnya baik & (al-Bayhaqi (458H), 1986 - al-Da'awat/ al-Da'wat al-Kabir), No. 65: Sanadnya baik.

32.2: Solat Sunat Tahiyyatul Masjid

عَنْ أَبِي قَتَادَةَ بْنِ رِبْعِيٍّ الْأَنْصَارِيِّ ﷺ، قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ:

((إِذَا دَخَلَ أَحَدُكُمُ الْمَسْجِدَ فَلَا يَجْلِسْ حَتَّى يُصَلِّيَ رَكْعَتَيْنِ))

Daripada Abu Qatadah Bin Rib'i al-Ansari ﷺ, beliau berkata: Nabi ﷺ bersabda:

> "Apabila salah seorang daripada kamu masuk ke masjid, maka janganlah dia duduk sehingga dia mengerjakan solat dua rakaat (Tahiyyatul Masjid)."

T: (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 444 & 1167 [Lafaz di atas]; (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmiʿ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 715; (Abū Dāwud (275H), 2010 - Sunan Abī Dāwud), No. 467; (al-Nasāʾī (303H), 1986 - al-Sunan al-Sughrā / al-Mujtabā min al-Sunan), No. 730; (Ibn Mājah (273H), 2010 - Sunan Ibn Mājah), No. 1013 dan lain-lain. [Status: Sahih Muttafaq 'alayh].

Hadith 33: Rasulullah ﷺ Memerintahkan Agar Masjid Dibina Di Kawasan Penempatan Serta Dipelihara Kebersihannya

عَنْ عَائِشَةَ رضي الله عنها، قَالَتْ:

((أَمَرَ رَسُولُ اللهِ ﷺ بِبِنَاءِ الْمَسَاجِدِ فِي الدُّورِ وَأَنْ تُنَظَّفَ وَتُطَيَّبَ))

Daripada Saidatina 'A'ishah رضي الله عنها, beliau berkata:

> "Rasulullah ﷺ telah memerintahkan agar masjid-masjid dibina di kawasan-kawasan qabilah-qabilah/ penempatan, dan agar masjid-masjid tersebut dibersihkan dan diletakkan wangi-wangian."
>
> T: (al-Tirmidhī (279H), - al-Jāmiʿ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)), No. 594 [Lafaz di atas]; (Abū Dāwud (275H), 2010 - Sunan Abī Dāwud), No. 455; (Ibn Mājah (273H), 2010 - Sunan Ibn Mājah), No. 758 & 759; (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad), No. 25853; (Ibn Khuzaymah (311H), - Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah), No. 1227; (Ibn Ḥibbān (354H), 1993 - Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān), No. 1634 dan lain-lain.

33.1: Perintah Rasulullah ﷺ Bagi Memelihara Kebersihan Masjid

عَنْ سَمُرَةَ رضي الله عنه، أَنَّهُ كَتَبَ إِلَى ابْنِهِ:

أَمَّا بَعْدُ، فَإِنَّ رَسُولَ اللهِ ﷺ كَانَ يَأْمُرُنَا بِالْمَسَاجِدِ أَنْ نَصْنَعَهَا فِي دِيَارِنَا وَنُصْلِحَ صَنْعَتَهَا وَنُطَهِّرَهَا

Daripada Samurah (Bin Jundub) رضي الله عنه, sesungguhnya beliau telah menulis surat kepada anaknya dengan berkata:

> "Amma' ba'd (Adapun selepas itu), sesungguhnya Rasulullah ﷺ telah memerintahkan kami berkenaan masjid:

- agar kami membinanya di kawasan rumah-rumah (tempat tinggal) kami, dan
- agar kami memperbaikkan/memperbaiki binaannya, dan
- agar kami sentiasa membersihkannya.”

T: (Abū Dāwud (275H), 2010 - Sunan Abī Dāwud), No. 456 [Lafaz di atas]; (al-Bayhaqī (458H), 2000 - al-Sunan al-Kubrā), No. 3962; (al-Bazzār (292H), 1997 - al-Baḥr al-Zakhkhār bi Musnad al-Bazzār), No. 4622 & (al-Tabarānī (360H), - al-Mu'jam al-Kabīr), No. 7026 & 7027.

33.2: Perintah Rasulullah ﷺ Bagi Memelihara Kebersihan Masjid

عَنْ سَمُرَةَ بْنِ جُنْدُبٍ ﷺ، قَالَ:

أَمَرَنَا رَسُولُ اللهِ ﷺ أَنْ نَتَّخِذَ الْمَسَاجِدَ فِي دِيَارِنَا، وَأَمَرَنَا أَنْ نُنَظِّفَهَا

Daripada Samurah Bin Jundub ﷺ, beliau berkata:

“Rasulullah ﷺ memerintahkan kami agar kami membina masjid di [sekitar] kawasan kediaman kami, dan Baginda ﷺ memerintahkan kami agar sentiasa membersihkannya.”

T: (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad), No. 19670 [Lafaz di atas]; (al-Tabarānī (360H), - Musnad al-Shāmiyyīn), No. 3483 & (Ibn Ḥajar al-'Asqalānī (852H), 1996 - Ithaf al-Maharah bi al-Fawa'id al-Mubtakarah min Atraf al-'Asharah), No. 5915: Semuanya dengan lafaz yang sama.

Semua hadith di atas memberikan maksud yang sama.

Hadith 34: Pahala Membersihkan Masjid Daripada Kekotoran Walaupun Sangat Kecil

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ ﷺ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ:

((عُرِضَتْ عَلَيَّ أُجُورُ أُمَّتِي حَتَّى الْقَذَاةُ يُخْرِجُهَا الرَّجُلُ مِنَ الْمَسْجِدِ، وَعُرِضَتْ عَلَيَّ ذُنُوبُ أُمَّتِي فَلَمْ أَرَ ذَنْبًا هُوَ أَعْظَمُ مِنْ سُورَةٍ مِنَ الْقُرْآنِ أَوْ آيَةٍ أُوتِيهَا رَجُلٌ ثُمَّ نَسِيَهَا))

Daripada Anas Bin Malik ﷺ, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

"Telah dibentangkan kepadaku pahala-pahala umatku sehingga satu kotoran kecil yang dibuang oleh seseorang dari dalam masjid sekalipun.

Dan telah dibentangkan kepadaku dosa-dosa umatku, maka aku tidak melihat dosa yang lebih besar daripada surah daripada al-Quran atau satu ayat daripadanya yang telah diberikan kepada seseorang (hafalannya), kemudian dia melupakannya."

T: (Ibn Khuzaymah (311H), - Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah), No. 1230 [**Lafaz di atas**]; (al-Tirmidhī (279H), - al-Jāmiʿ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)), No. 2916 dan beliau berkata: (هَذَا حَدِيثٌ غَرِيبٌ، لَا نَعْرِفُهُ إِلَّا مِنْ هَذَا الْوَجْهِ); (Abū Dāwud (275H), 2010 - Sunan Abī Dāwud), No. 461; (al-Bayhaqī (458H), 2000 - al-Sunan al-Kubrā), No. 3965; (al-Bazzār (292H), 1997 - al-Baḥr al-Zakhkhār bi Musnad al-Bazzār), No. 6219; (Abū Yaʿlā al-Mawṣilī (307H), 1992 - Musnad Abī Yaʿlā al-Mawṣilī), No. 4265; (ʿAbd al-Razzāq al-Sanʿānī (211H), 1403H - al-Muṣannaf), No. 5977; (al-Tabarani (360H), - al-Mu'jam al-Saghir), No. 198; (al-Tabarānī (360H), - al-Muʿjam al-Awṣaṭ), No. 6489 dan lain-lain. S: Jabir ﷺ.

Al-Qadhah (الْقَذَاةُ) adalah tanah kecil atau seumpamanya yang boleh masuk ke dalam mata dan minuman.

34.1: Mengotorkan Masjid Walaupun Sedikit Adalah Dosa

عَنْ أَبِي ذَرٍّ ﷺ، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ:

((عُرِضَتْ عَلَيَّ أَعْمَالُ أُمَّتِي حَسَنُهَا وَسَيِّئُهَا، فَوَجَدْتُ فِي مَحَاسِنِ أَعْمَالِهَا، الْأَذَى يُمَاطُ عَنِ الطَّرِيقِ، وَوَجَدْتُ فِي مَسَاوِي أَعْمَالِهَا، النُّخَاعَةَ، تَكُونُ فِي الْمَسْجِدِ، لَا تُدْفَنُ))

Daripada Abu Dharr al-Ghifari ﷺ, beliau meriwayatkan bahawa Nabi ﷺ bersabda:

"Telah dibentangkan kepadaku amalan-amalan umatku, amalan mereka yang baik dan yang buruk.

Lalu aku mendapati di antara amalan-amalan mereka yang baik (walaupun dipandang kecil) ialah: mengalihkan sesuatu yang menyakitkan dari jalan/laluan.

Dan aku juga mendapati di antara amalan-amalan mereka yang buruk (walaupun dipandang kecil) ialah: Kahak yang dibuang di dalam masjid dan tidak ditanam/ditimbus."

T: (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmiʿ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 555 [**Lafaz di atas**]; (Ibn Mājah (273H), 2010 - Sunan Ibn Mājah), No. 3683; (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad), No. 21038, 21039 & 21056 dan lain-lain. [Status: Sahih]

34.2: Mengotorkan Masjid Adalah Satu Dosa Dan Kesalahan

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ ﷺ، قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ:

((الْبُزَاقُ فِي الْمَسْجِدِ خَطِيئَةٌ وَكَفَّارَتُهَا دَفْنُهَا))

Daripada Anas Bin Malik ﷺ, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

> "Meludah di dalam masjid adalah satu kesalahan/dosa, dan kaffarahnya ialah menanamnya/menimbusnya [bagi masjid yang berlantaikan tanah]."

T: (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 415 [Lafaz di atas]; (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmiʿ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 554 [Dalam salah satu riwayat: التَّفْلُ فِي الْمَسْجِدِ] dan lain-lain. [Status: Sahih muttafaq 'alayh]

Hadith 35: Menjaga Kehormatan Masjid Untuk Zikrullah, Solat Dan Al-Qur’an

عَنْ أَنَسٍ ﷺ أَنَّ رَسُولَ اللهِ ﷺ دَعَا أَعْرَابِيًّا الَّذِي بَالَ فِي الْمَسْجِدِ فَقَالَ لَهُ:

((إِنَّ هَذِهِ الْمَسَاجِدَ لَا تَصْلُحُ لِشَيْءٍ مِنْ هَذَا الْبَوْلِ وَلَا الْقَذَرِ، إِنَّمَا هِيَ لِذِكْرِ اللهِ ﷻ وَالصَّلَاةِ وَقِرَاءَةِ الْقُرْآنِ))

Daripada Anas Bin Malik ﷺ, beliau meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ telah memanggil seorang lelaki arab kampung yang telah membuang air kecil di dalam masjid dan bersabda kepadanya:

> “Sesungguhnya masjid-masjid ini tidak boleh digunakan untuk sesuatu daripada [membuang] air kecil dan apa sahaja kekotoran. Ia adalah semata-mata untuk mengingati dan menyebut Allah (zikrullah), solat dan membaca al-Qur’an.”
>
> T: (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmiʿ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 287. [Dengan ringkasan].

Di dalam hadith ini juga, Rasulullah ﷺ juga menyebutkan tiga amalan utama di masjid iaitu:

1. Zikrullah
2. Solat
3. Bacaan Al-Qur’an

35.1: Memelihara Kehormatan Masjid Daripada Perkara-Perkara Yang Tidak Layak Dengan Kemuliaannya

عَنْ وَاثِلَةَ بْنِ الْأَسْقَعِ ﵁، أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ:

((جَنِّبُوا مَسَاجِدَكُمْ صِبْيَانَكُمْ، وَمَجَانِينَكُمْ، وَشِرَاءَكُمْ، وَبَيْعَكُمْ، وَخُصُومَاتِكُمْ، وَرَفْعَ أَصْوَاتِكُمْ، وَإِقَامَةَ حُدُودِكُمْ، وَسَلَّ سُيُوفِكُمْ، وَاتَّخِذُوا عَلَى أَبْوَابِهَا الْمَطَاهِرَ، وَجَمِّرُوهَا فِي الْجُمَعِ))

Daripada Wathilah Ibn Al-Asqa' ﵁, beliau meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:

"Jauhkanlah masjid-masjid kamu daripada kanak-kanak kamu, orang-orang gila kamu, jual-beli kamu, pertelingkahan-pertelingkahan kamu, kebingitan suara-suara kamu, perlaksanaan hukum hudud kamu, dan hunusan pedang-pedang kamu.

Dan letakkanlah di pintu-pintunya tempat-tempat bersuci, dan wangikanlah ia pada hari-hari Jumaat."

T: (al-Bayhaqī (458H), 2000 - al-Sunan al-Kubrā; al-Tabarānī (360H), - al-Muʿjam al-Kabīr; al-Tabarānī (360H), - Musnad al-Shāmiyyīn; Ibn ʿAsākir (571H), 1998 - Tārīkh Dimashq; Ibn Mājah (273H), 2010 - Sunan Ibn Mājah) dan lain-lain. S: Mu'adh Ibn Jabal ﵁, Abu Umamah al-Bahili ﵁ dan Abu al-Darda' ﵁.

*(al-Shawkani (1250H), - al-Fawa'id al-Majmu'ah fi al-Ahadith al-Mawdu'ah), No. 62 dan beliau berkata: (قَالَ السَّخَاوِيُّ فِي الْمَقَاصِدِ: ضَعِيفٌ وَلَكِنْ لَهُ شَاهِدٌ بِأَسَانِيدَ لا تَخْلُو عَنْ ضَعْفٍ).

*Imam Ibnu Hajar al-'Asqalani meriwayatkan hadith ini dari Mu'adh Bin Jabal ﵁ di dalam al-Maṭālib al-ʿĀliyah bi Zawāʾid al-Masānid al-Thamāniyah, No. 1458 dan beliau berkata: (قُلْتُ: وَكَذَا رَوَاهُ الطَّبَرَانِيُّ فِي الْكَبِيرِ مِنْ رِوَايَةِ مَكْحُولٍ، عَنْ مُعَاذٍ وَلَمْ يَسْمَعْ مِنْهُ، وَلَهُ شَاهِدٌ مِنْ حَدِيثِ أَبِي الدَّرْدَاءِ، وَأَبِي أُمَامَةَ رَوَاهُمَا الطَّبَرَانِيُّ فِي الْكَبِيرِ، وَرَوَاهُ ابْنُ مَاجَةَ، وَالطَّبَرَانِيُّ فِي الْكَبِيرِ، مَنْ حَدِيثِ وَاثِلَةَ بْنِ الْأَسْقَعِ " جَمِّرُوهَا " بَخِّرُوهَا " وَزْنُهُ وَمَعْنَاهُ).

Imam Al-Sakhawi memberikan komentar yang agak panjang berkenaan hadith ini di dalam "*Al-Maqasid al-Hasanah fi bayan kathīr min al-aḥādīth al-mushtahirah 'ala al-Alsinah*". Secara umumnya ia adalah hadith yang da'if pada sanadnya, dan mempunyai shawahid yang juga da'if, namun maknanya boleh diperkuatkan oleh beberapa hadith yang lain di dalam bab yang sama. (والله أعلم)

Komentar Al-Hafiz Al-Sakhawi
... وسنده ضعيف، ولكن له شاهد عند الطبراني في الكبير، والعقيلي وابن عدي بسند فيه العلاء بن كثير الشامي، وهو ضعيف من حديث مكحول، عن أبي الدرداء وأبي أمامة وواثلة، قالوا: سمعنا رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، وذكره بلفظ: مساجدكم، وبدون شراءكم وبيعكم. ومن حديث مكحول عن معاذ مرفوعا بنحوه، وكذا أخرج عبد الرزاق وإسحاق حديث معاذ، ومكحول لم يسمع من معاذ. ولابن عدي من حديث أبي هريرة رفعه: ((جنبوا مساجدكم صبيانكم ومجانينكم))، وفي سنده عبد الله بن محرر، بمهملات وزن محمد، وهو ضعيف، وذكره عبد الحق من جهة البزار، ثم من حديث ابن مسعود قال: وليس له أصل، انتهى. وفي الباب مما يستأنس به لتقويته عدة أحاديث: كحديث من رأيتموه يبيع، أو يبتاع في المسجد، أو ينشد ضالة، الحديث.

Fiqh: Menurut fatwa Dar al-Ifta' al-Misriyyah, hukum membawa kanak-kanak yang memuyyiz ke masjid adalah digalakkan berdasarkan beberapa hadith Rasulullah ﷺ bagi mendidik mereka untuk bersolat dan membiasakan diri mereka di dalam suasana yang baik di masjid. Namun begitu, ia boleh menjadi makruh dan dilarang

bagi kanak-kanak yang dijangka boleh mengganggu ketenteraman orang-orang yang bersolat dan beribadah di masjid. [Tambahan penulis: Jika **diyakini** bahawa kanak-kanak tersebut akan mengganggu orang-orang yang beribadah di masjid atau mengotorkan masjid atau merosakkan harta benda masjid, maka ia boleh menjadi haram]. (والله أعلم).

Penulis meletakkan teks fatwa Dar al-Ifta' al-Misriyyah tersebut secara penuh di Lampiran.

Hadith 36: Wanita Yang Masuk Ke Syurga Kerana Membersihkan Dan Membuang Kekotoran Dari Masjid

عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ رضي الله عنهما:

أَنَّ امْرَأَةً كَانَتْ تَلْقِطُ الْقَذَى مِنَ الْمَسْجِدِ، فَتُوُفِّيَتْ، فَلَمْ يُؤْذَنِ النَّبِيُّ ﷺ بِدَفْنِهَا، فَقَالَ النَّبِيُّ ﷺ: ((إِذَا مَاتَ مِنْكُمْ مَيِّتٌ فَآذِنُونِي))، وَصَلَّى عَلَيْهَا، وَقَالَ: ((إِنِّي رَأَيْتُهَا فِي الْجَنَّةِ لَمَّا كَانَتْ تَلْقُطُ الْقَذَى مِنَ الْمَسْجِدِ))

Daripada ‘Abdullah Bin ‘Abbas رضي الله عنهما, beliau meriwayatkan bahawa:

> “Sesungguhnya pernah ada seorang wanita yang [menjadi kebiasaannya] mengutip kotoran-kotoran kecil di dalam masjid dan membuangnya, kemudian dia meninggal dunia, dan pengkebumiannya itu tidak diberitahu kepada Nabi ﷺ. Baginda Nabi ﷺ pun bersabda: Jika salah seorang daripada kamu meninggal dunia, maka beritahulah kepadaku [lalu para sahabat رضي الله عنهم memberitahu tentang kewafatan wanita tersebut].
>
> [Baginda ﷺ pun pergi kuburnya] dan melakukan solat [jenazah] ke atasnya dan kemudian Baginda ﷺ bersabda: Sesungguhnya aku telah melihatnya [wanita tersebut] di dalam syurga lantaran amalannya membuang kekotoran dari masjid.”

T: (al-Tabarānī (360H), - al-Muʿjam al-Awṣaṭ), No. 8220 [Lafaz di atas] dan beliau berkata: (لَمْ يَرْوِ هَذَا الْحَدِيثَ عَنِ الْحَكَمِ بْنِ أَبَانَ، إلا فَائِدُ بْنُ عُمَرَ، تَفَرَّدَ بِهِ: الذِّمَارِيُّ) & (al-Tabarānī (360H), - al-Muʿjam al-Kabīr), No. 11607 [Lafaz dan sanad yang sama].

*(al-Haythamī (807H), 1994 - Majmaʿ al-Zawāʾid wa Manbaʿ al-Fawāʾid), No. 1957 dan beliau berkata: (رَوَاهُ الطَّبَرَانِيُّ فِي الْكَبِيرِ وَقَالَ فِي تَرَاجِمِ النِّسَاءِ: الْخَرْقَاءُ السَّوْدَاءُ الَّتِي كَانَتْ تُمِيطُ الْأَذَى عَنْ مَسْجِدِ رَسُولِ اللَّهِ – صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ – وَذَكَرَ بَعْدَ هَذَا الْكَلَامِ إِسْنَادًا عَنْ أَنَسٍ قَالَ: فَذَكَرَ الْحَدِيثَ وَرِجَالُ إِسْنَادِ أَنَسٍ رِجَالُ الصَّحِيحِ، وَإِسْنَادُ ابْنِ عَبَّاسٍ فِيهِ عَبْدُ

الْعَزِيزِ بْنُ فَائِدٍ وَهُوَ مَجْهُولٌ وَقِيلَ فِيهِ: فَائِدُ بْنُ عُمَرَ وَهُوَ وَهْمٌ. قُلْتُ: وَحَدِيثُ أَبِي قِرْصَافَةَ فِي الْبَابِ قَبْلَ هَذَا فِي إِخْرَاجِ الْقُمَامَةِ مِنَ الْمَسْجِدِ وَأَنَّهُ مُهُورُ الْحُورِ الْعِينِ.)

36.1: Rasulullah ﷺ Melakukan Solat Jenazah Di Kubur Seorang Wanita Berkulit Gelap Yang Sering Membersihkan Masjid

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رضي الله عنه:

أَنَّ امْرَأَةً سَوْدَاءَ كَانَتْ تَقُمُّ الْمَسْجِدَ فَفَقَدَهَا رَسُولُ اللهِ ﷺ ، فَسَأَلَ عَنْهَا بَعْدَ أَيَّامٍ، فَقِيلَ لَهُ: إِنَّهَا مَاتَتْ، قَالَ: ((فَهَلَّا آذَنْتُمُونِي؟))، فَأَتَى قَبْرَهَا فَصَلَّى عَلَيْهَا.

Daripada Abu Hurayrah رضي الله عنه, beliau meriwayatkan bahawa:

"Sesungguhnya pernah ada seorang wanita berkulit gelap yang sering menyapu/membersihkan Masjid [Nabawi]. Maka [pada satu ketika], Rasulullah ﷺ mendapatinya tidak ada di masjid setelah beberapa hari, lalu Baginda ﷺ bertanya tentangnya. Kemudian, Baginda ﷺ diberitahu bahawa wanita tersebut telah meninggal dunia.

Baginda ﷺ bersabda: Mengapakah kamu tidak memberitahu daku [tentang kewafatannya]?. Lalu Baginda ﷺ pergi ke kuburnya dan menyembahyangkannya (melakukan solat jenazah di kuburnya)."

T: (Ibn Mājah (273H), 2010 - Sunan Ibn Mājah), No. 1527 [Lafaz di atas]: Sanadnya sahih; (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 458, 460 & 1337; (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmiʿ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 959; (Abū Dāwud (275H), 2010 - Sunan Abī Dāwud), No. 3203 dan lain-lain. [Status: Sahih]

36.2: Rasulullah ﷺ Melakukan Solat Jenazah Di Kubur Seorang Wanita Berkulit Gelap Yang Sering Membersihkan Masjid

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رضي الله عنه :

أَنَّ رَجُلًا أَسْوَدَ أَوِ امْرَأَةً سَوْدَاءَ كَانَ يَقُمُّ الْمَسْجِدَ فَمَاتَ، فَسَأَلَ النَّبِيُّ ﷺ عَنْهُ، فَقَالُوا: مَاتَ، قَالَ: ((أَفَلَا كُنْتُمْ آذَنْتُمُونِي بِهِ، دُلُّونِي عَلَى قَبْرِهِ))، أَوْ قَالَ: ((قَبْرِهَا))، فَأَتَى قَبْرَهَا فَصَلَّى عَلَيْهَا

Daripada Abu Hurayrah رضي الله عنه, beliau meriwayatkan bahawa:

> "Sesungguhnya pernah ada seorang lelaki berkulit gelap atau seorang wanita berkulit gelap yang sering membersihkan Masjid [Nabawi]. Kemudian, beliau telah meninggal dunia. Rasulullah ﷺ pun bertanya tentangnya, dan mereka memberitahu Baginda ﷺ: Beliau telah wafat. Baginda ﷺ pun bersabda: Mengapakah kamu semua tidak memberitahu daku tentang kewafatannya. Tunjukkan daku kuburnya. [Setelah diberitahu], Rasulullah ﷺ pun pergi ke kuburnya dan melakukan solat [jenazah] di kuburnya."
>
> T: (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 458 [Lafaz di atas], 460 & 1337; (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmiʿ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 959; (Abū Dāwud (275H), 2010 - Sunan Abī Dāwud), No. 3203; (Ibn Mājah (273H), 2010 - Sunan Ibn Mājah), No. 1527 dan lain-lain. [Status: Sahih]

36.3: Ummu Mihjan رضي الله عنها: Pembersih Masjid Nabawi

Di dalam sebahagian riwayat, nama wanita yang terkenal kisahnya ini sebagai pembersih Masjid Nabawi di zaman Rasulullah ﷺ ialah Ummu Mihjan رضي الله عنها. Al-Imam al-Mundhiri menukilkan di dalam kitabnya *Al-Targhib wa al-Tarhib* dengan berkata:

وَرَوَى أَبُو الشَّيْخِ الْأَصْبَهَانِيُّ عَنْ عُبَيْدِ اللهِ بْنِ مَرْزُوقٍ، قَالَ: كَانَتْ امْرَأَةٌ بِالْمَدِينَةِ تَقُمُّ الْمَسْجِدَ فَمَاتَتْ فَلَمْ يَعْلَمْ بِهَا النَّبِيُّ ﷺ فَمَرَّ عَلَى قَبْرِهَا فَقَالَ: ((مَا هَذَا الْقَبْرُ؟))، فَقَالُوا: قَبْرُ أُمِّ مِحْجَنٍ. قَالَ: ((الَّتِي كَانَتْ تَقُمُّ الْمَسْجِدَ))، قَالُوا: نَعَمْ، فَصَفَّ النَّاسَ فَصَلَّى عَلَيْهَا، ثُمَّ قَالَ: ((أَيُّ الْعَمَلِ وَجَدْتِ أَفْضَلَ؟))، قَالُوا: يَا رَسُولَ اللهِ أَتَسْمَعُ؟، قَالَ: ((مَا أَنْتُم بِأَسْمَعَ مِنْهَا))، فَذَكَرَ أَنَّهَا أَجَابَتْهُ قُمُّ الْمَسْجِدِ .

“Dan Abu al-Shaykh Al-Asbahani telah meriwayatkan [hadith] daripada ‘Ubaydillah Ibn Marzuq, beliau berkata:

Pernah ada seorang wanita di Madinah yang sering membersihkan Masjid Nabawi. Lalu beliau telah meninggal dunia dan kewafatannya itu tidak diketahui oleh Baginda Nabi ﷺ.

Maka, pada satu ketika Rasulullah ﷺ lalu di kuburnya dan bersabda: Kubur siapakah ini?. Mereka (para Sahabat ﷺ) berkata: Kubur Ummu Mihjan ﷺ. Baginda ﷺ bersabda: Yang sering membersihkan masjid itu?. Mereka (para Sahabat ﷺ) berkata: Ya.

Maka Baginda ﷺ pun menyusun para Sahabat ﷺ di dalam saf solat dan melakukan solat [jenazah] di kuburnya.

Kemudian Baginda ﷺ bersabda [kepada Ummu Mihjan]: Apakah amalan yang engkau dapati paling afdal?. Mereka (para Sahabat ﷺ) berkata: Wahai Rasulullah, adakah dia mendengarnya?. Baginda ﷺ bersabda: Kamu semua tidak lebih mendengar berbandingnya. Setelah itu Baginda ﷺ memberitahu bahawa Ummu Mihjan menjawab pertanyaannya dengan berkata: Menyapu/membersihkan masjid.”

R: (al-Mundhiri (656H), 1417H - al-Targhib wa al-Tarhib min al-Hadith al-Sharif), No. 427 dan beliau berkata: (وَهَذَا مُرْسَلٌ.).

Hadith-hadith di dalam tajuk ini menunjukkan kemuliaan tugas Siak masjid yang menjalankan fungsi utama bagi memastikan kebersihan masjid.

Sebagai contoh, tugas-tugas Siak yang disebut di dalam Peraturan-peraturan Masjid dan Surau (Negeri Selangor) 2017 [SEL.P.U 11/2017] adalah seperti berikut:

a) menjaga kebersihan seluruh kawasan meliputi dalam dan luar masjid itu;
b) memastikan pintu masjid dibuka dan ditutup pada setiap hari;
c) memastikan ruang sembahyang, tempat wuduk, kolah, ruang makan, bilik mesyuarat, bilik kuliah, bilik mandi dan tandas sentiasa bersih;
d) memastikan alat kelengkapan sembahyang seperti tikar, sejadah, kain saf, telekung, sentiasa tersedia, bersih, kemas dan tersusun rapi;
e) memastikan aset dan inventori masjid dalam keadaan selamat;
f) memastikan suis dan kelengkapan elektrik dihidupkan dan dimatikan selepas digunakan;
g) melaporkan apa-apa kejadian yang tidak diingini yang berlaku di masjid itu kepada Nazir;
h) menghadiri tiap-tiap mesyuarat Jawatankuasa Kariah; dan
i) menerima dan mematuhi apa-apa arahan yang diberikan oleh Majlis atau Nazir.

Berdasarkan hadith-hadith di atas, kita dapat membuat kesimpulan bahawa menjaga kebersihan masjid seperti tugas seorang Siak adalah amalan dan tugas yang dimuliakan oleh Rasulullah ﷺ.

Hadith 37: Larangan Membawa Bau Busuk Walaupun Kesan Makanan Ke Masjid

عَنْ جَابِرِ بْنِ عَبْدِ اللهِ، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ:

((مَنْ أَكَلَ الْبَصَلَ، وَالثُّومَ، وَالْكُرَّاثَ، فَلَا يَقْرَبَنَّ مَسْجِدَنَا، فَإِنَّ الْمَلَائِكَةَ تَتَأَذَّى مِمَّا يَتَأَذَّى مِنْهُ بَنُو آدَمَ))

Daripada Jabir Bin Abdullah رضي الله عنهما, beliau meriwayatkan bahawa Nabi ﷺ bersabda:

> "Barangsiapa yang makan bawang besar/merah, bawang putih dan daun bawang [secara mentah sehingga mengeluarkan bau yang kurang menyenangkan], maka janganlah dia mendekati (datang) ke masjid kami ini. Sesungguhnya para malaikat itu merasa sakit dengan apa yang dirasa sakitnya oleh anak Adam [lantaran bau yang kurang menyenangkan]."

T: (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 854, 855, 5452 & 7359; (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmiʿ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 566 [Lafaz di atas] dan lain-lain. [Status: Sahih]

37.1: Jangan Mendekati Masjid Dengan Bau Yang Kurang Menyenangkan Sehinggalah Ia Hilang

عَنِ ابْنِ عُمَرَ رضي الله عنهما، أَنَّ رَسُولَ اللهِ ﷺ قَالَ:

((مَنْ أَكَلَ مِنْ هَذِهِ الْبَقْلَةِ، فَلَا يَقْرَبَنَّ مَسَاجِدَنَا، حَتَّى يَذْهَبَ رِيحُهَا))، يَعْنِي الثُّومَ

Daripada 'Abdullah Bin 'Umar رضي الله عنهما, beliau meriwayatkan bahawa sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda:

> "Barangsiapa yang makan daripada pohon sayuran ini [secara mentah], makan janganlah dia mendekati masjid kami sehinggalah baunya itu hilang," Baginda ﷺ maksudkan bawang putih.
>
> T: (al-Bukhārī (256H), 1999 - Ṣaḥīḥ al-Bukhārī), No. 853 & 4215; (Muslim (261H), 2006 - al-Jāmi' al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim), No. 563 & 564 [Lafaz di atas] dan lain-lain. [Status: Sahih]

Hadith 38: Larangan Jual Beli Dan Mengiklankan Barang Yang Hilang Di Masjid

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ﵁، أَنَّ رَسُولَ اللهِ ﷺ قَالَ:

((إِذَا رَأَيْتُمْ مَنْ يَبِيعُ، أَوْ يَبْتَاعُ فِي الْمَسْجِدِ، فَقُولُوا: لَا أَرْبَحَ اللهُ تِجَارَتَكَ، وَإِذَا رَأَيْتُمْ مَنْ يَنْشُدُ فِيهِ ضَالَّةً، فَقُولُوا: لَا رَدَّ اللهُ عَلَيْكَ))

Daripada Abu Hurayrah ﵁, beliau meriwayatkan bahawa sesungguhnya Rasulullah ﷺ bersabda:

> "Apabila kamu melihat seseorang yang menjual atau membeli [sesuatu] di dalam masjid, maka ucapkanlah: Semoga Allah tidak menguntungkan perniagaanmu itu.
>
> Dan apabila kamu melihat seseorang yang meninggikan suaranya mencari barang yang hilang di dalamnya, maka ucapkanlah: Semoga Allah tidak mengembalikannya kepadamu."
>
> T: (al-Tirmidhī (279H), - al-Jāmiʿ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)), No. 132 dan beliau berkata: (حَدِيثُ أَبِي هُرَيْرَةَ حَدِيثٌ حَسَنٌ غَرِيبٌ، وَالْعَمَلُ عَلَى هَذَا عِنْدَ بَعْضِ أَهْلِ الْعِلْمِ، كَرِهُوا الْبَيْعَ، وَالشِّرَاءَ فِي الْمَسْجِدِ، وَهُوَ قَوْلُ: أَحْمَدَ، وَإِسْحَاق، وَقَدْ رَخَّصَ فِيهِ بَعْضُ أَهْلِ الْعِلْمِ فِي الْبَيْعِ وَالشِّرَاءِ فِي الْمَسْجِدِ); (al-Dārimī (255H), 2000 - Sunan al-Dārimī), No. 1401; (Ibn Khuzaymah (311H), - Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah), No. 1239; (al-Ḥakim (405H), 1990 - al-Mustadrak ʿalā al-Saḥīḥayn), No. 2276 dan beliau berkata: (هَذَا حَدِيثٌ صَحِيحٌ عَلَى شَرْطِ مُسْلِمٍ وَلَمْ يُخَرِّجَاهُ) dan lain-lain. [Status: Sahih li ghayrih].

Fiqh: Majoriti ulama' menyatakan bahawa jual-beli di dalam masjid - sama ada barang tersebut ada (*hadirah*) dalam majlis akad atau tidak ada dan hanya diberikan ciri-cirinya dalam majlis akad (*gha'ibah mawsufah*) – adalah makruh (dari sudut hukum taklifi) tetapi sah dan berlaku kesannya (dari sudut hukum wad'i).

38.1: Athar: ‘Ata’ Ibn Yasar Menegur Orang Yang Melakukan Jual Beli Di Dalam Masjid Dengan Hikmah

Imam Malik Bin Anas meriwayatkan di dalam *Al-Muwatta’* bahawa:

أَنَّهُ بَلَغَهُ أَنَّ عَطَاءَ بْنَ يَسَارٍ كَانَ إِذَا مَرَّ عَلَيْهِ بَعْضُ مَنْ يَبِيعُ فِي الْمَسْجِدِ، دَعَاهُ فَسَأَلَهُ مَا مَعَكَ؟ وَمَا تُرِيدُ؟ فَإِنْ أَخْبَرَهُ أَنَّهُ يُرِيدُ أَنْ يَبِيعَهُ، قَالَ: عَلَيْكَ بِسُوقِ الدُّنْيَا. وَإِنَّمَا هَذَا سُوقُ الْآخِرَةِ.

> “Sesungguhnya telah sampai kepadanya riwayat bahawa [Imam] ‘Ata’ Ibn Yasar itu, apabila ada orang yang melakukan jual-beli di dalam masjid lalu berdekatannya, maka dia akan memanggilnya dan bertanya: Apakah yang ada bersamamu? Dan apakah yang kamu mahu?.
>
> Maka sekiranya orang tersebut memberitahunya bahawa dia ingin menjual barangnya itu, beliau berkata: Hendaklah engkau pergi ke pasar dunia. Sesungguhnya [masjid] ini adalah pasar Akhirat.”
>
> T: (Mālik (179H), 1985 - al-Muwaṭṭa’), No. 92.

[Imam] ‘Ata’ Ibn Yasar ialah seorang ulama’ dan tokoh perawi hadith Rasulullah ﷺ yang thiqah dari kalangan Tabi’in di Madinah. Beliau banyak mengambil riwayat hadith daripada para Sahabat ﷺ dan mengajar orang ramai di Masjid Nabawi. Beliau dilahirkan pada tahun 29H pada era Khilafah Saidina ‘Uthman Ibn ‘Affan ؓ dan wafat pada tahun 103H ketika berumur 84 tahun.

TANDA AKHIR ZAMAN PADA MASJID

Hadith 39: Manusia Akan Bermegah-Megah Dengan Perhiasan Masjid Di Akhir Zaman

عَنْ أَنَسٍ ﷺ، أَنَّ النَّبِيَّ ﷺ قَالَ:

((لَا تَقُومُ السَّاعَةُ حَتَّى يَتَبَاهَى النَّاسُ فِي الْمَسَاجِدِ))

Daripada Anas Bin Malik ﷺ, beliau meriwayatkan bahawa Nabi ﷺ bersabda:

> "Tidak akan terjadinya Hari Kiamat sehinggalah orang ramai saling-saling berbangga-bangga pada masjid [iaitu pada perhiasannya tetapi masjid-masjid ini sepi dari pengimarahan dan petunjuk]."
>
> T: (Abū Dāwud (275H), 2010 - Sunan Abī Dāwud), No. 449 [Lafaz di atas]; (al-Nasāʿī (303H), 1986 - al-Sunan al-Sughrā / al-Mujtabā min al-Sunan), No. 689; (Ibn Mājah (273H), 2010 - Sunan Ibn Mājah), No. 739; (al-Dārimī (255H), 2000 - Sunan al-Dārimī), No. 1408; (Aḥmad (241H), 1995 - al-Musnad), No. 11971, 12064, 12128, 12991 & 13606 dan lain-lain. [Status: Sahih]

Hadith 40: Orang Tidak Menjaga Adab Terhadap Masjid Di Akhir Zaman

عَنِ ابْنِ مَسْعُودٍ ﷺ، أَنَّهُ دَخَلَ الْمَسْجِدَ، فَقَالَ: قَالَ رَسُولُ اللهِ ﷺ:

((أَنَّ (/ إِنَّ) مِنْ أَشْرَاطِ السَّاعَةِ أَنْ يَمُرَّ الرَّجُلُ فِي طُولِ الْمَسْجِدِ، وَعِرْضِهِ لَا يُصَلِّي فِيهِ رَكْعَتَيْنِ))

Daripada 'Abdullah Ibn Mas'ud ﷺ, sesungguhnya beliau telah masuk ke dalam masjid dan berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

> "Sesungguhnya di antara tanda-tanda [dekatnya] Hari Kiamat ialah apabila ada orang yang lalu di dalam masjid, sejauh panjang dan lebarnya, namun dia tidak mengerjakan solat dua rakaat di dalamnya."

T: (al-Tabarānī (360H), - al-Muʿjam al-Kabīr), No. 9488.

*(al-Haythamī (807H), 1994 - Majmaʿ al-Zawāʾid wa Manbaʿ al-Fawāʾid), No. 2039 dan beliau berkata: (رَوَاهُ الطَّبَرَانِيُّ فِي الْكَبِيرِ وَرِجَالُهُ رِجَالُ الصَّحِيحِ، إِلَّا أَنَّ سَلَمَةَ بْنَ كُهَيْلٍ وَإِنْ كَانَ سَمِعَ مِنَ الصَّحَابَةِ لَمْ أَجِدْ لَهُ رِوَايَةً عَنِ ابْنِ مَسْعُودٍ).

40.1: Tidak Mengerjakan Solat Walaupun Memasuki Masjid

عَنْ عَبْدِ اللهِ ﷺ : ... سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ عَلَيْهِ الصَّلَاةُ السَّلَامُ، وَهُوَ يَقُولُ:

((إِنَّ مِنْ أَشْرَاطِ السَّاعَةِ: أَنْ يَمُرَّ الرَّجُلُ فِي الْمَسْجِدِ لَا يُصَلِّي فِيهِ رَكْعَتَيْنِ، وَأَنْ لَا يُسَلِّمَ الرَّجُلُ إِلَّا عَلَى مَنْ يَعْرِفُ، وَأَنْ يُبَرِّدَ الصَّبِيُّ الشَّيْخَ))

Daripada Abdullah Bin Masʿud ﷺ, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

> "Sesungguhnya di antara tanda-tanda Kiamat adalah:

i. apabila seorang lelaki lalu di dalam **masjid**, namun dia tidak mengerjakan dua rakaat solat di dalamnya; dan

ii. apabila seorang lelaki itu tidak memberi salam melainkan kepada orang yang dia kenali; dan

iii. apabila budak-budak menjadikan orang tua sebagai utusan/orang suruhan [bagi menunaikan keperluannya]."

T: (Ibn Khuzaymah (311H), - Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah), No. 1260.

40.2: Orang Tidak Menjaga Adab Terhadap Masjid Di Akhir Zaman

عَنْ عَبْدِ اللهِ ﷺ، أَنَّ رَسُولَ اللهِ ﷺ كَانَ يَقُولُ:

((لَا تَقُومُ السَّاعَةُ حَتَّى تُتَّخَذَ الْمَسَاجِدُ طُرُقًا، وَحَتَّى يُسَلِّمَ الرَّجُلُ عَلَى الرَّجُلِ بِالْمَعْرِفَةِ، وَحَتَّى تَتَّجِرَ الْمَرْأَةُ وَزَوْجُهَا، وَحَتَّى تَغْلُو الْخَيْلُ وَالنِّسَاءُ، ثُمَّ تَرْخُصَ، فَلَا تَغْلُو إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ))

Daripada Abdullah Bin Mas'ud ﷺ, beliau berkata: Rasulullah ﷺ bersabda:

"Tidak akan berlakunya Hari Kiamat:

i. sehinggalah masjid-masjid dijadikan jalan-jalan/tempat laluan [maknanya orang hanya lalu di dalam masjid tetapi tidak melakukan solat di dalamnya]; dan

ii. sehinggalah apabila seseorang itu hanya memberi salam kepada orang yang dia kenali sahaja; dan

iii. sehinggalah seorang isteri berniaga bersama suaminya; dan

iv. sehinggalah harga kuda dan [mahar] wanita menjadi mahal, kemudian ia menjadi murah, dan ia tidak akan mahal semula sehinggalah Hari Kiamat."

T: (al-Ḥakim (405H), 1990 - al-Mustadrak ʿalā al-Saḥīḥayn), No. 8699 dan beliau berkata: (هَذَا حَدِيثٌ صَحِيحُ الإِسْنَادِ، وَلَمْ يُخْرِجَاهُ).

40.3: Athar Saidina 'Abdullah Ibn Mas'ud ﵁

عَنْ عَلْقَمَةَ:

أَنَّهُ كَانَ مَعَ مَسْرُوقٍ وَابْنُ مَسْعُودٍ بَيْنَهُمَا، فَجَاءَ أَعْرَابِيٌّ فَقَالَ: السَّلامُ عَلَيْكَ يَا ابْنَ أُمِّ عَبْدٍ، فَضَحِكَ ابْنُ مَسْعُودٍ، فَقَالَ: مِمَّ تَضْحَكُ؟ فَقَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ ﷺ يَقُولُ: ((إِنَّ مِنْ أَشْرَاطِ السَّاعَةِ السَّلامَ بِالْمَعْرِفَةِ، وَأَنْ يَمُرَّ الرَّجُلُ بِالْمَسْجِدِ ثُمَّ لَا يُصَلِّي فِيهِ))

Daripada 'Alqamah, beliau meriwayatkan bahawa:

"Beliau pernah bersama Masruq, dan [Saidina] 'Abdullah Ibn Mas'ud ﵁ berada di tengah-tengah mereka. Lalu datang seorang lelaki Arab kampung seraya berkata: Al-Salam (Salam sejahtera) buatmu, wahai Ibn Umm 'Abd ('Abdullah Ibn Mas'ud ﵁). Maka 'Abdullah Ibn Mas'ud ﵁ pun ketawa. Lelaki tersebut berkata: Mengapa Tuan ketawa?.

Beliau pun berkata: Aku telah mendengar Rasulullah ﷺ bersabda: Sesungguhya di antara tanda-tanda [dekatnya] Hari Kiamat ialah: (i) Ucapan salam hanya diberikan kepada orang yang dikenali dan (ii) apabila seorang lelaki lalu di dalam masjid (memasukinya), dia kemudiannya tidak bersolat di dalamnya."

T: (al-Tahawi (321H), - Mushkil al-Athar), No. 1591 [Lafaz di atas] dan 1592. Kedua-dua sanadnya adalah sahih.


PENUTUP

Sebenarnya di sana terdapat banyak lagi hadith Rasulullah ﷺ berkenaan kemuliaan masjid dan adab-adabnya yang tidak dimuatkan di dalam buku ini. Semoga himpunan hadith yang ringkas ini dapat menggambarkan kepada para pembaca betapa penting dan mulianya institusi masjid dan pengimarahannya di dalam Islam.

Berdasarkan kajian kami - Kumpulan Penyelidik Model Imarah Masjid MIMAS-USIM, secara asasnya masjid pada hari ini dilihat dapat memainkan tiga peranan penting di dalam sesebuah komuniti masyarakat Islam setempat iaitu:

1. Pusat Ilmu dan Ibadah
2. Pusat Sosial dan Kebajikan
3. Pusat Ekonomi Setempat

Gambarajah 1: Tiga Peranan Penting Masjid



Dalam erti kata lain, walaupun pada asasnya masjid adalah institusi ilmu dan ibadah, namun ia juga tidak mengabaikan peranannya sebagai sebuah institusi kebajikan sosial dan institusi ekonomi, khususnya sektor ijtima'i dan tabarru'. Keupayaan institusi masjid dan surau dalam mendidik masyarakat Islam, menjaga kebajikan masyarakat setempat dan menggembeling dana ijtima'i dan tabarru' adalah di antara peranan penting yang dilakukan oleh kedua-dua institusi ini secara berterusan. Berdasarkan data pihak JAKIM, terdapat 6,368 buah masjid dan 17,640 surau di seluruh Malaysia pada waktu ini.[3] Ini menunjukkan potensi besar yang dimiliki oleh institusi-institusi masjid dan surau sama ada dari sudut aset fizikal, manfaat dan kewangan[4].

Hubungan umat Islam dengan masjid dan surau adalah satu hubungan yang istimewa serta berkekalan kemuliaan dan kesannya sehingga Hari Kiamat. Segala pengorbanan dan sumbangan yang ditaburkan oleh mereka dalam membangunkan institusi masjid dan surau serta menggerakkannya dalam melaksanakan fungsinya pasti tidak akan menjadi sesuatu yang sia-sia di sisi Allah.


Akhir kata dari penulis: "Masjid adalah Hati Ummah dan Kekuatannya."

وَبِاللهِ التَّوْفِيقُ وَالْهِـدَايَةُ، وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللهِ وَبَرَكَاتُهُ

---

[3] JAKIM. (2020). Statistik Masjid dan Surau Seluruh Negara Sehingga 09/02/2020. http://masjid.islam.gov.my .

[4] Buku Kumpulan Penyelidik Model Imarah Masjid MIMAS, USIM bertajuk "Pengurusan Kewangan Masjid: Model Imarah Masjid" boleh didapati di **SINI**.



Telah selasai penulisan ini dengan *tawfiq* dan limpah kurnia Allah ﷾. Selawat dan salam buat junjungan kita dan penghulu sekalian Nabi dan Rasul عليهم السلام - Saidina Muhammad ﷺ, ahli keluarga, para Sahabat رضي الله عنهم serta pengikut Baginda ﷺ sehingga Hari Kiamat.

Dan segala pujian hanyalah bagi Allah, Tuhan Pencipta, Pemilik dan Pentadbir seluruh alam.

﴿إِنْ أُرِيدُ إِلَّا ٱلْإِصْلَٰحَ مَا ٱسْتَطَعْتُ ۚ وَمَا تَوْفِيقِىٓ إِلَّا بِٱللَّهِ ۚ عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَإِلَيْهِ
أُنِيبُ﴾ ﴿رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّآ ۖ إِنَّكَ أَنتَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ﴾ ﴿وَتُبْ عَلَيْنَآ ۖ إِنَّكَ أَنتَ
ٱلتَّوَّابُ ٱلرَّحِيمُ﴾ ﴿سُبْحَٰنَ رَبِّكَ رَبِّ ٱلْعِزَّةِ عَمَّا يَصِفُونَ ١٨٠ وَسَلَٰمٌ عَلَى
ٱلْمُرْسَلِينَ ١٨١ وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَٰلَمِينَ ١٨٢﴾

"Penuntut Ilmu" – Dr. Abdullaah Jalil

Rhu Renggeh, Marang, Terengganu

Malam 27 Ramadan 1441 Hijrah, bersamaan 20 Mei 2020 Masihi.



PROFIL PENULIS

Nama	Dr. Abdullaah Jalil	
Jawatan	Pensyarah Kanan	
Institusi	Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan.	
Alamat	Email	abdullaahjalil@gmail.com / abdullaah@usim.edu.my
	Hp	+6019 223 4502
	Pej.	+606 798 6332
Latar Belakang Pendidikan	• 2019: PhD Kewangan Islam, INCEIF, Kuala Lumpur. • 2004: MBA (Perbankan dan Kewangan Islam), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Gombak. – (Anugerah Pelajar Terbaik Program). • 2001: Sarjana Muda Shariah (Fiqh dan Pengajian Islam), Universiti Yarmouk, Irbid, Jordan. (Kelas Pertama / *Mumtāz*). • 1996-1997: Kolej Islam Sultan Alam Shah. SPM & SKK (*Mumtāz*). • 1993-1995: Sekolah Menengah Agama Kerajaan Johor, Kluang. PMR & SRA (*Mumtāz*)	
Industri (Terpilih)	• Pengerusi JK Syariah Prudential BSN Takaful • AJK Syariah, Bank Rakyat • AJK Syariah, Koperasi Kakitangan USIM • Ahli Jawatankuasa Panel Syariah USIM • Ahli Panel Penyelidik Fatwa Negeri Sembilan • Ahli Panel Syariah bagi Sistem Pengurusan	

	Berasaskan Syariah MS1900:2014 di USIM • Panel Kepakaran bagi penyusunan Standard Program: Muamalat dan Kewangan Islam (MQA) • Ahli Jawatankuasa Penasihat Syariah dan Pemasaran Wakaf USIM • Anugerah "Friends of the Police" 2012 • Ahli Panel Deradikalisasi, Kementerian Dalam Negeri (KDN) [Tarikh lantikan: 21 April 2017] • Pakar Rujuk Bagi Kes-kes Keganasan Yang Disiasat Di Bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (KDN) [Tarikh lantikan: 13 Disember 2018] • "Advisory Committee Member", Global Peace Institute.
Bidang Kepakaran dan Kajian	• Fiqh Muamalat dan Aplikasinya • Tadbir Urus & Kepatuhan Shariah • Perbankan, Kewangan dan Ekonomi Islam • Pengurusan Kewangan Masjid • Wakaf Korporat • Ahli Sunnah dan Jamaʿah • Deradikalisasi & Rehabilitasi (PCVE)
Hasil Penulisan (Buku)	1. (2011) The Four Introductory Theories of Fiqh Muamalat 2. (2012) Pengurusan Kewangan Masjid: Model Imarah Masjid 3. (2013) 40 Hadith Pengurusan Harta dan Perancangan Kewangan 4. (2013) Menjawab Persoalan Agama: Konsep al-Tark dan Perkara Baru dan Baik dari Perspektif Shariat.

[Siri Memperbaiki Kefahaman Agama]

5. (2013) Natijah Fikir dan 40 Hadith Kelebihan Zikir

6. (2013) Pengajian Halaqah UTH3012: Program Pensiswazahan Guru

7. (2013) Cahaya-Cahaya Sunnah Yang Khusus Berkenaan Kelebihan Selawat Ke Atas Nabi Yang Terpilih ﷺ (Abdullaah Jalil, Terjemah dan Edit).

8. (2013;2016) *Nusūs Turāthiyyah: Dirāsah Manhajiyyah* (Subjek *al-Halaqah*).

9. (2014) The Four Main Contracts of Fiqh Muamalat.

10. (2014) Fiqh and Management of Hajj and Umrah

11. (2014) Arabic-English Terminology for Special Purposes in Management Studies

12. (2015) Miftah al-Muamalat: The Gateway to Business

13. (2016) 40 Hadith Puasa dan Ramadan: Dengan Nota Ringkas Fiqh Mazhab al-Shafi'i dan Fiqh Perbandingan

14. (2016) Sosial Sekuriti (Takaful Ijtima'i) Menurut Perspektif Islam

15. (2017) Quranic Index for Medical Sciences.

16. (2017) Quranic Index for Economics, Business and Management.

17. (2017) 40 Hadith Berkenaan Ketegasan Pengharaman Riba (Dengan Ulasan dan Edit) (Abdullaah Jalil: Terjemah dan Edit).

18. (2018) 40 Hadith Berkenaan Ibadat Harta.

19. (2018) Islamic Law of Tort.

20. (2019) 50 Hadith Utama Berkenaan Kepentingan dan Kelebihan Zikrullah.

21. (2019) Natijah Fikir & Mutiara Nabawi Berkenaan

	Majlis Zikir. 22. (2019) 50 Hadith Doa Rasulullah ﷺ dan Adab serta Kelebihannya. 23. (2019) 40 Hadith Berkaitan Kelebihan Ilmu dan Adab-adabnya 24. (2019) 40 Hadith Berkenaan Kelebihan Penghulu Para Rasul ﷺ (Abdullaah Jalil: Terjemah dan Edit). 25. (2020) Aqidah Murshidah dan Beberapa Muqaddimah Aqidah. 26. (2020) 40 Hadith Kemuliaan Masjid dan Adab-adabnya. 27. (2020) Pembacaan Al-Qur'an di sisi Kubur (Al-Imam al-Hafiz Abu Bakr al-Khallal al-Hanbali): Terjemahan dan Ulasan.
Laman Sesawang & FB "Page"	penuntutilmu.com FB Page: Penuntut Ilmu FB Page: Masjid Hati Ummah FB Page: Muzakarah Muamalat

KUMPULAN PENYELIDIK MODEL IMARAH MASJID MIMAS

Bil.	Nama	Fakulti/Pusat	Bidang
1.	Dr. Abdullaah Jalil	Fakulti Ekonomi dan Muamalat, USIM	Shariah, Kewangan Islam
2.	Dr. Asharaf Mohd Ramli	Fakulti Ekonomi dan Muamalat, USIM	Shariah, Kewangan Islam
3.	Prof. Madya Dr. Asmaddy Haris	Fakulti Ekonomi dan Muamalat, USIM * Penolong Naib Canselor (Pengurusan Infrastruktur dan Perancangan Pembangunan)	Ekonomi
4.	En. Mohamad Aizuddin Abdul Aziz	Pusat Pengajian Teras, USIM *Pengarah Pusat Islam USIM	Shariah
5.	En. Norman Hamdan	Fakulti Ekonomi dan Muamalat, USIM	Perakaunan

Untuk maklumat lanjut, klik di **sini**.

BIBLIOGRAFI

1. 'Abd Ibn Humayd (249H). *Musnad 'Abd Ibn Humayd*. al-Qahirah: Maktabat al-Sunnah.
2. ʿAbd al-Razzāq al-Sanʿānī (211H). (1403H). *al-Muṣannaf*. Bayrut: al-Maktab al-Islami.
3. Abu 'Awanah, Ya'qub Ishaq (316H). (1998). *Mustakhraj Abi 'Awanah*. Bayrut: Dar al-Ma'rifah.
4. Abu Bakr al-Shafi'i (354H). *al-Fawa'id al-Shahir bi al-Ghaylaniyyat*. al-Riyad: Dar Ibn al-Jawzi.
5. Abū Dāwūd al-Ṭayālisī (204H). *Musnad Abū Dāwūd al-Ṭayālisī*. Misr: Dar Hijr li al-Nashr wa al-Tawzi'.
6. Abū Dāwud, Sulaymān al-Sijistānī (275H). (2010). *Sunan Abī Dāwud*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
7. Abu Nu'aym al-Asbahani (430H). *Akhbar Asbahan*. Dilhi: al-Dar al-'Ilmiyyah.
8. Abu Nu'aym al-Asbahani (430H). (1993M/1414H). *al-Arba'in 'ala Madhhab al-Mutahaqqiqin min al-Sufiyyah*. Bayrut: Dar Ibn Hazm.
9. Abu Nu'aym al-Asbahani (430H). (1996M/1417H). *al-Musnad al-Mustakhraj 'ala Sahih Muslim*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
10. Abū Nuʿaym al-Asbahānī (430H). (1409H). *Ḥilyat al-Awliyāʾ wa Ṭabaqāt al-Aṣfiyāʾ* (Vol. 10). Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
11. Abū Yaʿlā al-Mawṣilī (307H). (1992). *Musnad Abī Yaʿlā al-Mawṣilī*. Dimashq - Bayrūt: al-Thaqāfah al-ʿArabiyyah.
12. Aḥmad, Ibn Ḥanbal (241H). (1995). *al-Musnad*. ʿAmmān: Muʿassasat al-Risālah.
13. al-'Ajluni, Abu al-Fida' Ismai'il (1162H). (2000M/1420H). *Kashf al-Khafa' wa Muzil al-Ilbas*: al-Maktabah al-'Asriyyah.
14. al-Bayhaqi, Abu Bakr Ahmad Ibn al-Husayn (458H). (1986). *al-Da'awat/ al-Da'wat al-Kabir*. al-Kuwayt: Markaz al-Makhtutat wa al-Turath.
15. al-Bayhaqī, Abu Bakr Aḥmad Ibn al-Ḥusayn (458H). *Shuʿab al-Imān*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
16. al-Bayhaqī, Abu Bakr Aḥmad Ibn al-Ḥusayn (458H). (1992). *al-Sunan al-Saghīr*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.

17. al-Bayhaqī, Abu Bakr Aḥmad Ibn al-Ḥusayn (458H). (2000). *al-Sunan al-Kubrā*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
18. al-Bazzār, Abū Bakr (292H). (1997). *al-Baḥr al-Zakhkhār bi Musnad al-Bazzār*. al-Madīnah al-Munawwarah: Maktabat al-ʿUlūm wa al-Ḥikam.
19. al-Bukhārī, Muḥammad Ismāʿīl (256H). (1999). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. al-Riyāḍ: Dar al-Salām.
20. al-Būṣīrī (840H). (1998). Itḥāf al-Khiyarah al-Maharah bi Zawāʾid al-Masānīd al-ʿAsharah. al-Riyad: al-Rushd.
21. al-Dārimī, ʿAbdullāh ʿAbdurraḥmān (255H). (2000). *Sunan al-Dārimī*. al-Mamlakah al-ʿArabiyyah al-Saʿūdiyyah: Dār al-Mughnī li al-Nashr wa al-Tawzīʿ.
22. al-Ḥakim, Ibn al-Bayyiʿ al-Naysabūrī (405H). (1990). *al-Mustadrak ʿalā al-Saḥīḥayn*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
23. al-Haythami, Nur al-Din (807H). *Bughyat al-Bahith 'an Zawa'id Musnad al-Harith*. Misr: al-Tala'i'.
24. al-Haythamī, Nūr al-Dīn (807H). (1979). *Kashf al-Astār ʿan Zawāʾid al-Bazzār*. Bayrūt: Muʾassasat al-Risālah.
25. al-Haythamī, Nūr al-Dīn (807H). (1994). *Majmaʿ al-Zawāʾid wa Manbaʿ al-Fawāʾid*. al-Qahirah: Maktabat al-Qudsi.
26. al-Mundhiri, Zakiyy al-Din 'Abd al-'Azim (656H). (1417H). *al-Targhib wa al-Tarhib min al-Hadith al-Sharif*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
27. al-Nasāʾī, Aḥmad Shuʿayb (303H). (1986). *al-Sunan al-Kubrā*. Bayrūt: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
28. al-Nasāʾī, Aḥmad Shuʿayb (303H). (1986). *al-Sunan al-Sughrā / al-Mujtabā min al-Sunan*. Ḥalab: Maktab al-Matbūʿāt al-Islāmiyyah.
29. al-Nawawi, Yahya Sharaf (676H). (1999). *al-Minhaj: Sharh sahih Muslim Ibn al-Hajjaj*. Bayrut: Dar al-Maᶜrifah.
30. al-Rūyānī, Abū Bakr (307H). (1416H). *Musnad al- Rūyānī*. al-Qāhirah: Muʿassasat Qurṭubah.
31. al-San'ani, 'Abd al-Razzaq (211H). *Tafsir al-Qur'an li 'Abd al-Razzaq al-San'ani*. al-Riyad: Maktabat al-Rushd.
32. al-Shashi, al-Haytham Kulayb (335H). *al-Musnad*. al-Madinah al-Munawwarah: Maktabat al-'Ulum wa al-Hikam.

33. al-Shawkani, Muhammad 'Ali al-Yamani al-San'ani (1250H). *al-Fawa'id al-Majmu'ah fi al-Ahadith al-Mawdu'ah*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
34. al-Shihāb al-Quḍāʿī (454H). (1986). *Musnad al-Shihāb*. Bayrut: al-Risalah.
35. al-Tabarani, Sulayman Ahmad (360H). *al-Mu'jam al-Saghir*. al-Mawsil: Maktabat al-'Ulum wa al-Hikam.
36. al-Tabarānī, Sulaymān Aḥmad (360H). *al-Muʿjam al-Awṣaṭ*. al-Mawsil: Maktabat al-'Ulum wa al-Hikam.
37. al-Tabarānī, Sulaymān Aḥmad (360H). *al-Muʿjam al-Kabīr*. al-Mawṣil: Maktabat al-ʿUlūm wa al-Ḥikam.
38. al-Tabarānī, Sulaymān Aḥmad (360H). *Musnad al-Shāmiyyīn*. Bayrūt: Muʿassasat al-Risālah.
39. al-Tahawi (321H). *Mushkil al-Athar*. Bayrut: Mu'assasat al-Risalah.
40. al-Tirmidhī, Muḥammad ʿIsā (279H). *al-Jāmiʿ al-Kabīr (Sunan al-Tirmidhī)*. al-Riyāḍ: Maktabat al-Maʿārif li al-Nashr wa al-Tawzīʿ.
41. Ibn Abi Dawud, al-Sijistani (316H). *al-Masahif*. Bayrut: Dar al-Basha'ir al-Islamiyyah.
42. Ibn Abi Shaybah (235H). (2004). *Musannaf Ibn Abi Shaybah*. al-Riyad: al-Rushd.
43. Ibn al-Jawzī, Abdurrrahman Ali (597H). (1996). *al-Birr wa al-Ṣilah*. Misr: al-Kutub al-Thaqafiyyah.
44. Ibn ʿAsākir, Ali Hasan (571H). (1998). *Tārīkh Dimashq*. Bayrut: Dar al-Fikr.
45. Ibn Ḥajar al-ʿAsqalānī, Aḥmad ʿAlī (852H). (1960). *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari*. Bayrut: Dar al-Ma'rifah.
46. Ibn Ḥajar al-ʿAsqalānī, Aḥmad ʿAlī (852H). (1996). *Ithaf al-Maharah bi al-Fawa'id al-Mubtakarah min Atraf al-'Asharah*. al-Madinah al-Munawwarah: Majma' al-Malik Fahd wa Markaz Khidmat al-Sunnah wa al-Sirah al-Nabawiyyah.
47. Ibn Ḥajar al-ʿAsqalānī, Aḥmad ʿAlī (852H). (1998). *al-Maṭālib al-ʿĀliyah bi Zawāʾid al-Masānid al-Thamāniyah*. al-ʿĀṣimah al-Ghayth: al-Mamlakah al-ʿArabiyyah al-Saʿūdiyyah.
48. Ibn Ḥibbān, Muḥammad (354H). (1993). *Ṣaḥīḥ Ibn Ḥibbān*. Bayrūt: Muʿassasat al-Risālah.

49. Ibn Khuzaymah (311H). *Ṣaḥīḥ Ibn Khuzaymah*. Bayrut: al-Maktab al-Islami.
50. Ibn Mājah, Muḥammad Yazīd Qazwīnī (273H). (2010). *Sunan Ibn Mājah*: Dār Ihyāʿ al-Kutub al-ʿArabiyyah.
51. Ibn Zanjuyah (251H). *al-Amwal*. al-Riyad: Markaz al-Malik Faysal li al-Buhuth wa al-Dirasat.
52. Mālik, Anas al-Madanī (179H). (1985). *al-Muwaṭṭaʾ*. Lubnān: Dār Iḥyāʾ al-Turāth al-ʿArabī.
53. Malik, Ibn Anas al-Madani (179H). *al-Muwatta' - Riwayat Yahya al-Laythi*. Misr: Dar al-Sha'b.
54. Mu'ammar Ibn Rashid (154H). *al-Jami'*. Bayrut: al-Maktab al-Islami.
55. Muslim, Ibn al-Ḥajjāj (261H). (2006). *al-Jāmiʿ al-Ṣaḥīḥ / Ṣaḥīḥ Muslim*. al-Riyāḍ: Dār Ṭaybah.

LAMPIRAN

1. Fatwa Dar Al-Ifta’ Al-Misriyyah Berkenaan Hukum Membawa Kanak-Kanak Ke Masjid

السؤال : ما حكم اصطحاب الأطفال إلى المساجد؟

الجـــــــــــــــــواب:

اصطحاب الأطفال المميزين إلى المسجد هو أمرٌ مستحبٌّ شرعًا؛ لتعويدهم على الصلاة، وتنشئتهم على حب هذه الأجواء الإيمانية التي يجتمع المسلمون فيها لعبادة الله تعالى؛ حتى يكون ذلك مكونًا من مكونات شخصيتهم بعد ذلك، وذلك مع الحرص على تعليمهم الأدب، ونهيهم عن التشويش على المصلين أو العبث في المسجد، على أن يكون ذلك برفق ورحمة، وأن يُتَعامَل مع الطفل بمنتهى الحلم وسعة الصدر من غير تخويف أو ترهيب له؛ فإن ردود الأفعال العنيفة التي قد يلقاها الطفل من بعض المصلين ربما تُوَلِّد عنده صدمةً أو خوفًا ورعبًا من هذا المكان، والأصل أن يتربَّى الطفل على أن المسجد مليء بالرحمات والنفحات والبركات، فيَكْبُر علي حُبِّ هذا المكان ويتعلق قلبه ببيت الله تعالى، كما جاء في حديث السبعة الذين يظلهم الله في ظله؛ حيث ذكر النبي صلى الله عليه وآله وسلم منهم: «وَرَجُلٌ قَلْبُهُ مُعَلَّقٌ فِي المَسْجِدِ» رواه البخاري.

وأما اصطحاب الأطفال الذين يُعلَم أو يغلب على الظن أن الواحد منهم لا يَنْكَفُّ عن التشويش وإلهاء المصلين إذا نُهِيَ عن ذلك فهو أمرٌ مكروهٌ شرعًا؛ وذلك للحفاظ على جو الهدوء المطلوب شرعًا في المسجد لحصول الخشوع الواجب أثناء الصلاة أو

الخطبة، وللحفاظ كذلك على طهارة المسجد وسلامة محتوياته.

وقد استدل العلماء على جواز إحضار الأطفال عمومًا إلى المساجد بأحاديث؛ منها ما رواه البخاري ومسلم في صحيحيهما عن أبي قتادة الأنصاري رضي الله عنه أن رسول الله صلى الله عليه وآله وسلم كان يصلي وهو حاملٌ أُمَامَةَ بنتَ زينبَ بِنْتِ رسول الله صلى الله عليه وآله وسلم.

قال الحافظ ابن حجر في "فتح الباري" (1/ 592 ط. دار المعرفة): [واستُدِلَّ به على جواز إدخال الصبيان في المساجد] اهـ بتصرف.

وأخرج الإمامان البخاري ومسلم في صحيحيهما عن أنس رضي الله عنه أن رسول الله صلى الله عليه وآله وسلم قال: «إِنِّي لَأَدْخُلُ فِي الصَّلاَةِ وَأَنَا أُرِيدُ إِطَالَتَهَا، فَأَسْمَعُ بُكَاءَ الصَّبِيِّ، فَأَتَجَوَّزُ فِي صَلاَتِي مِمَّا أَعْلَمُ مِنْ شِدَّةِ وَجْدِ أُمِّهِ مِنْ بُكَائِهِ».

كما أخرج الأئمة أحمد وأبو داود والترمذي والنسائي وابن ماجه وابن حبان والحاكم عن بريدة رضي الله عنه قال: كان النبي صلى الله عليه وآله وسلم يَخطُب، فأقبل الحسن والحسين رضي الله عنهما عليهما قميصان أحمران، يَمْشيان ويَعثُران، فنزل رسول الله صلى الله عليه وآله وسلم من المنبر فحملهما؛ واحدًا من ذا الشق، وواحدًا من ذا الشق، ثم صعد المنبر فقال: «صدق الله: ﴿إِنَّمَا أَمْوَالُكُمْ وَأَوْلَادُكُمْ فِتْنَةٌ﴾؛ إني لَمّا نَظَرْتُ إلى هذين الغلامين يَمْشيان ويَعثُران لم أصبر أن قطعت كلامي ونزلتُ إليهما».

ومن هذه الأحاديث أخذ العلماءُ جواز إحضار الأطفال للمسجد، واستثنوا منهم من كان لا ينتهي عن التشويش على المصلين إذا نُهِيَ عنه، فبينوا مشروعية منعهم من دخول المساجد، على أن يكون ذلك المنع بالرفق والرحمة.

قال الإمام الأُبِّي الأزهري المالكي في "جواهر الإكليل شرح مختصر خليل" (1/ 80، ط. دار الفكر): [(و) جاز (إحضار صبي به لا يعبث ويكف) عن العبث (إذا نهي) عنه، فإن كان شأنه العبث أو عدم الكف فلا يجوز إحضاره به؛ لحديث جنبوا مساجدكم مجانينكم وصبيانكم] اهـ.

وقال الإمام الشوكاني في "نيل الأوطار" (2/ 144، ط. دار الحديث): [وفيه جواز إدخال الصبيان المساجد. وقد أخرج الطبراني من حديث معاذ بن جبل قال: قال رسول الله صلى الله عليه وآله وسلم: «جنبوا مساجدكم صبيانكم وخصوماتكم وحدودكم وشراءكم وبيعكم وجمروها يوم جمعكم واجعلوا على أبوابها مطاهركم» ولكن الراوي له عن معاذ مكحول وهو لم يسمع منه، وأخرج ابن ماجه من حديث واثلة بن الأسقع أن النبي صلى الله عليه وآله وسلم قال: «جنبوا مساجدكم صبيانكم ومجانينكم وشراءكم وبيعكم وخصوماتكم ورفع أصواتكم وإقامة حدودكم وسل سيوفكم واتخذوا على أبوابها المطاهر وجمروها في الجمع» وفي إسناده الحارث بن شهاب وهو ضعيف. وقد عارض هذين الحديثين الضعيفين حديث أمامة المتقدم وهو متفق عليه. وحديث الباب وحديث أنس رضي الله عنه أن النبي صلى الله عليه وآله وسلم قال: «إني لأسمع بكاء الصبي وأنا في الصلاة فأخفف، مخافة أن تفتتن أمه» وهو متفق عليه فيجمع بين الأحاديث بحمل الأمر بالتجنيب على الندب كما قال العراقي في "شرح الترمذي"، أو بأنها تُنَزَّهُ المساجدُ عمن لا يُؤْمَنُ حَدَثُه فيها] اهـ.

وقال العلامة الإمام النووي الشافعي في "المجموع شرح المهذب" (2/ 176، ط. دار الفكر): [قال المتولي وغيره: يكره إدخال البهائم والمجانين والصبيان الذين لا يميزون المسجد؛ لأنه لا يُؤْمَنُ تلويثُهم إياه، ولا يحرم ذلك؛ لأنه ثبت في الصحيحين أن رسول

الله صلى الله عليه وآله وسلم صلى حاملا أمامة بنت زينب رضي الله عنهما وطاف على بعيره، ولا ينفي هذا الكراهة؛ لأنه صلى الله عليه وآله وسلم فعله لبيان الجواز فيكون حينئذ أفضل في حقه فإن البيان واجب] اهـ.

وبناءً على ذلك: فإنه لا مانع شرعًا من اصطحاب الصبيان المميزين إلى المساجد؛ لتعويدهم على الصلاة، وتنشئتهم على حب الأجواء الإيمانية، وأما مَن يُعلَم منهم عدم الانتهاء عن التشويش وإلهاء المصلين فيكره اصطحابهم إلى المساجد؛ حفاظًا على مقصود الخشوع في الصلاة، مع الالتزام بالرفق وعدم العنف في إرشادهم إذا تم اصطحابهم.

والله سبحانه وتعالى أعلم



Dr. Abdullaah Jalil

Sarjana Muda Shariah (Fiqh and Pengajian Islam), Universiti Yarmouk (Kelas Pertama/*Mumtaz*) (2001); MBA (Perbankan dan Kewangan Islam) (Anugerah Pelajar Terbaik Program), Unversiti Islam Antarabangsa Malaysia (2004); PhD Kewangan Islam, INCEIF (2019).

Pada waktu ini, beliau berkhidmat sebagai pensyarah kanan di Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia di Nilai, Negeri Sembilan.

Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Syariah Prudential BSN Takaful, Ahli Jawatankuasa Syariah Bank Rakyat, Ahli Jawatankuasa Panel Syariah USIM, Panel Penyelidik Fatwa Negeri Sembilan, Ahli Panel Deradikalisasi dan Pakar Rujuk Bagi Kes-kes Keganasan Yang Disiasat Di Bawah Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012, Kementerian Dalam Negeri.